



ARLIMEN

MALAYSIA

IB

DEWAN RAKYAT

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT P ARLIMEN
KEDUABELAS 2011**

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab Lisan
Harian Yang Tidak Dapat Dijawab Dalam Dewan
Rakyat Daripada Kementerian**

HARI KHAMIS : 24 MARCH 2011

**CAWANGAN PERUNDANGAN
PARLIMEN MALAYSIA.**

KANDUNGAN

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB DIDALAM DEWAN
(SOALAN NO. 4, 9 HINGGA 66)**

**NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1, 2, 3, 5 HINGGA 8
[RUJUK PENYATA RASMIHARIAN (HANSARD)]**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ
[SUNGAI SIPUT]**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH 24.03.2011

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bilangan individu yang membayar cukai persendirian di Malaysia dan pecahan jumlah cukai yang dibayar oleh setiap 'decile' (10%) pembayar cukai persendirian.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, bilangan pembayar cukai pendapatan individu di Malaysia bagi tahun taksiran 2009 adalah seramai 1.7 juta orang. Jumlah cukai pendapatan dikenakan ke atas individu berkenaan adalah sebanyak RM12.01 bilion.

Yang Berhormat juga telah meminta maklumat jumlah cukai tersebut dinyatakan dalam bentuk '*decile*'. Walau bagaimanapun, maklumat tersebut hanya boleh diberi mengikut tujuh banjaran pendapatan bercukai seperti berikut:

Banjaran pertama iaitu untuk pembayar cukai individu yang

mempunyai pendapatan bercukai RM20,000 dan ke bawah, jumlah cukai pendapatan yang dikenakan ialah sebanyak RM0.005 bilion atau 0.04% daripada jumlah keseluruhan cukai yang dikenakan;

Banjaran kedua iaitu untuk pembayar cukai individu yang mempunyai pendapatan bercukai di antara RM20.001 dan tidak melebihi RM35.000, jumlah cukai pendapatan yang dikenakan ialah sebanyak RM0.34 bilion atau 2.86% daripada jumlah keseluruhan cukai yang dikenakan;

Banjaran ketiga iaitu untuk pembayar cukai individu yang mempunyai pendapatan bercukai di antara RM35.001 dan tidak melebihi RM50,000, jumlah cukai pendapatan yang dikenakan ialah sebanyak RM0.66 bilion atau 5.45% daripada jumlah keseluruhan cukai yang dikenakan;

Banjaran keempat iaitu untuk pembayar cukai individu yang mempunyai pendapatan bercukai di antara RM50.001 dan tidak melebihi RM70.000, jumlah cukai pendapatan yang dikenakan ialah sebanyak 0.94 bilion atau 7.86% daripada jumlah keseluruhan cukai yang dikenakan;

Banjaran kelima iaitu untuk pembayar cukai individu yang mempunyai pendapatan bercukai antara RM70.001 dan tidak melebihi RM 100,000, jumlah cukai pendapatan yang dikenakanialah sebanyak RM1.26 bilion atau 10.46% daripada jumlah keseluruhan cukai yang dikenakan;

vi. Banjaran keenam iaitu untuk pembayar cukai individu yang mempunyai pendapatan bercukai antara RM 100,000 dan tidak melebihi RM250.000, jumlah cukai pendapatan yang dikenakan

ialah sebanyak RM3.53 bilion atau 29.43% daripada jumlah keseluruhan cukai yang dikenakan; dan

- vii. Banjaran ketujuh dan tertinggi iaitu untuk pembayar cukai individu yang mempunyai pendapatan bercukai melebihi RM250,000, jumlah cukai pendapatan yang dikenakan ialah sebanyak RM5.27 bilion atau 43.90% daripada jumlah keseluruhan cukai yang dikenakan.

PEMBERfTAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEVWI RAKYAT

PERTANYAAN JAVVAB LISAN

DARI PAD A

DfATUK NUR JAZLAN BIN MOHAMED [ML A!]

TARIKH

KHAM1S, 24 MAC 2011

SOALAN

0\$pJK NUR JAZLAN BIN MOHAMED [ftJLAI]
minta MENTERI LUAR NEGERt
rrieriyatakan status perbincangan dua hala
mengenai perjanjian “Points Of Agreement” di
antara Malaysia dan Singapura. Jelaskan isu-
,isu: yang masih tertunggak dan implikasi
ke|5ada hubungan kedua negara sekiranya
tempoh sah perjanjian “Points Of Agreement” ini
tamat.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Izinkan saya menjawab soalan Yang Berhormat Pulai bertarikh 24 Mac 2011 dan Yang Betermat Pandan bertarikh 29 Mac 2011 secara serentak kerana soalan-soalan tersebut menyentuh isu yang sama.

2. Terima kasih ahii-ahii Y|hg Berhormat kerana mengemukakan soalan-soalan tersebut.

3. Pada 24 Mei 2010, Malaysia dan Singapura telah bersetuju untuk melaksanakah, dengah Izin, *Points of Agreement* (POA) yang telah ditandatangani pada iahun 1990 di mana antara lainnya, stesen Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) akan dipindahkan dari Tanjong Pagar ke *Woodlands Train Checkpoint* (WTCP) pada 1 Julai 2011 dan sebuah syarikat usaha sama M+S Pte. Ltd. akan ditubuhkan yang mana ekuiti Wialaysia sebanyak 60% dipegang oleh Khazanah Nasional Berhad dan ekuiti Singapura sebanyak 40% dipegang oleh *Temasek Holdings Private Limited*. Apabila stesen KTMB dipindahkan dari Tanjong Pagar, tanah-tanah KTMB iaitu tiga bidang tanah di Tanjong Pa||ar, Kranji dan Woodlands dan tiga keping tanah tambahan di? Biikit Timah akan diserahkan hak kepada M+S Pte. Ltd. untuk dibangunkan bagi tujuan komersial.

4. Malaysia dan Singapijt^ juga bersetuju supaya satu Pasukan Pelaksanaan Bersama Mitiysia-Singapura (*Malaysia-Singapore Joint Implementation Teaiih* - MSJIT) yang diketuai oleh Ketua Setiausaha, Kementerian Luar Negeri Malaysia dan Setiausaha

Tetap, Kementerian Luar Negeri Singapura, ditubuhkan bagi

menyusul pelaksanaan POA. MS JIT telah bermesyuarat sebanyak enam kali bagi membincang dan menyusul pelaksanaan POA. Mesyuarat keenam telah diadakan di Singapura pada 29-30 Disember 2010. Persetujuan-persetujuan yang dicapai oleh MS JIT akan dimasukkan di dalam satu instrumen bertulis yang akan ditandatangani oleh kedua-dua negara selepas mendapat kelulusan Kerajaan masing-masing. Draf instrumen bertulis berkenaan kini dalam proses untuk dimuktamadkan dalam masa terdekat.

Tuan Yang Di Pertua,

5. Kedua-dua negara pada 20 September 2010 telah bersetuju untuk memuktamadkan cadangan pertukaran tanah-tanah yang akan dibangunkan di Woodlands dan tiga keping tanah tambahan di Bukit Timah dengan empat keping tanah di Marina South dan dua keping tanah di Ophir-Rochor. Keputusan penukaran tanah ini merupakan satu keputusan yang bertepatan dengan usaha pembangunan bersama M+S Pte. Ltd. Tanah-tanah di Marina South dan Ophir-Rochor adalah lebih strategik dan bernilai tinggi dan terletak di dalam zon perniagaan komersial Singapura yang kian membangun. Berdasarkan, dengan izin, "per square foot basis", nilai komersial tanah-tanah di Marina South dan Ophir-Rochor adalah lebih tinggi berbanding dengan tanah-tanah di Tanjong Pagar, Kranji, Woodlands dan Bukit Timah. Di samping penyelesaian kepada pelaksanaan POA, usaha ini juga didapati lebih menguntungkan kedua-dua pihak.

Sekian, terima kasih.

DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEDUA BELAS (2011)

NO. SOALAN: 10

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA Y.B. DR. LO' LO' BINTI MOHAMAD GHAZALI
(TITIWANGSA)**

TARIKH 24 MAC 2011 [KHAMIS].

SOALAN

Dr. Lo' Lo' binti Mohamad Ghazali [Titiwangsa] minta PERDANA MENTERI menyatakan bilakah sekolah menengah agama atau sekolah tahfiz akan dibina di Putrajaya dan kawasan Parlimen lain di Kuala Lumpur memandangkan sekolah-sekolah tersebut sangat berkurangan.

JAWAPAN: (Y.B. SENATOR DATO' DR. MASHITAH IBRAHIM, TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan amat prihatin dengan kecenderungan masyarakat hari ini untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah-sekolah yang berkonsepkan pengintegrasian ilmu (*integrated and holistic*, agama dan akademik, khususnya di Wilayah Persekutuan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Sekolah Menengah Agama yang sedemikian telah ditubuhkan oleh MAIWP di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, yang mana turut menerima kemasukan anak-anak dari Putrajaya dan juga luar Wilayah Persekutuan. Sekolah Menengah Agama MAIWP (SMA MAIWP) yang telah mula beroperasi pada 22 Januari 2007 di kawasan Masjid Saidina Othman ibn Affan, Bandar Tun Razak, Cheras.

Walaupun bagaimanapun, SMA MAIWP ini akan berpindah ke kompleks tetap di atas lot PT 6949 di Bandar Sri Permaisuri, Cheras Kuala Lumpur yang dijangka beroperasi pada tahun 2013 dan mampu menampung seramai 1,000 orang pelajar dalam satu- satu masa, bukan sahaja dari Wilayah Persekutuan, tetapi mewakili negeri-negeri lain sudah pasti akan dapat mengatasi masa kekurangan sekolah-sekolah seumpama ini di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya khususnya dan negara amnya.

SMA MAIWP (KL) ini juga telah berdaftar sebagai Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) pada 25 Oktober 2010 yang lalu.

SMA MAIWP bagi Wilayah Persekutuan Labuan pula telah beroperasi pada 4 Januari 2011 lalu dengan pengambilan pelajar sulungnya seramai 100 orang @ 3 kelas mewakili pelajar dari Sabah, Sarawak di samping Labuan sendiri.

Di samping itu, MAIWP juga telah menubuhkan Sekolah Menengah Imtiaz (kini Sekolah Menengah Integrasi Sains & Tahfiz (SMISTA MAIWP) dengan pengambilan pelajar sulungnya juga seramai 54 orang. Telah mula beroperasi pada 2 Januari 2011 yang lalu, SMISTA MAIWP menggabungkan pendidikan moden dan konvensional dengan 3 komponen utama;

- (i) Pendidikan kebangsaan yang berpandukan kepada Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM)
- (ii) Pengajian agama (Diniyyah/Azhari)
- (iii) Pengajian Al-Quran (Hafazan)

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN LISAN
DARIPADA : DATO' NORAINI BINTI AHMAD
 [PARIT SULONG]
TARIKH 24 MAC 2011

SOALAN

DATO' NORAINI BINTI AHMAD [PARIT SULONG] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan apakah keputusan kajian ke atas eksperimen pelepasan nyamuk jantan GM (Genetically Modified) yang dijalankan di Bentong, Pahang baru-baru ini dan adakah terdapat bukti yang konklusif bahawa ia boleh membantu mencegah pembiakan nyamuk *Aedes* untuk mengurangkan kes-kes demam denggi di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, pihak IMR kini dalam proses penganalisan hasil kajian pelepasan nyamuk jantan *Aedes aegypti* 0X513A strain yang telah dijalankan di kawasan yang tidak berpenghuni di Bentong, Pahang. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti jarak penerbangan dan jangka hayat nyamuk tersebut. Keputusan hasil kajian yang terperinci dan lengkap akan dikemukakan ke pihak Lembaga Biokeselamatan Negara, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar dalam tempoh 2 bulan selepas tamat kajian seperti yang terkandung dalam terma dan syarat Lembaga Biokeselamatan Negara. Kajian yang dilakukan di Kepulauan British, Cayman Islands dengan melepaskan 3.3 juta nyamuk jantan *Aedes aegypti* 0X513A strain dikawasan berpenghuni telah menunjukkan bahawa populasi nyamuk *Aedes aegypti* dapat dikurangkan sehingga 80%. Kajian menurunkan populasi (suppression trial) nyamuk *Aedes aegypti* juga akan dijalankan di negara-negara seperti Brazil dan Florida (Amerika Syarikat) dalam masa terdekat ini.

SOALAN NO: 12

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. DATO' DR. HAJIMOHD HAYATI BIN OTHMAN

TARIKH: 24 MAC 2011

SOALAN:

Dato' Dr. Haji Mohd Hayati Bin Othman [Pendang] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan berapakah jumlah pampasan yang dibayar PERKESO kepada mangsa kemalangan kerja sepanjang tahun lepas dan bentuk serta jenis kemalangan yang terlibat.

PR-000-L42388

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Jumlah pampasan terperinci yang dibayar (belum diaudit) oleh PERKESO kepada mangsa kemalangan kerja tahun 2010 adalah sebanyak RM621,247,147.51 dan pecahannya adalah seperti berikut:-

Rajah : Jumlah pampasan PERKESO bagi tahun 2010ⁿ(belum diaudit)

BIL	JENIS KEMALANGAN KERJA	AKIBAT KEMALANGAN KERJA			JUMLAH (RM)
		HILANGUPAYA SEMENTARA WAKTU	HILANGUPAYA KEKAL	FAEDAH ORANG HILANGUPAYA KEKAL	
		(RM)	(RM)	(RM)	
0)	Bencana Kerja	54,138,044.38	126,566,033.31	202,724,337.25	383,428,414.94
(ii)	Kemalangan Jalanraya	55,003,571.06	179,322,543.21	2,887,375.97	237,213,490.24
(iii)	Penyakit Khidmat	35,808.61	567,346.92	2,086.80	605,242.33
JUMLAH		109,177,424.05	306,455,923.44	205,613,800.02	621,247,147.51

SOALAN NO.:

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. TUAN MOHD NIZAR BIN
ZAKARIA**

KAWASAN : PARIT

TARIKH : 24 MAC 2011 (KHAMIS)

SOALAN:

Y.B. TUAN MOHD NIZAR BIN ZAKARIA (PARIT) minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan sejauh manakah Kementerian Kerja Raya memantau dan mengawal Lembaga Arkitek Malaysia (LAM) dan Pertubuhan Arkitek Malaysia (PAM) dalam melaksanakan kaedah yang lebih adil untuk mengiktiraf Arkitek Graduan Melayu menjadi Arkitek Profesional sebagai tenaga profesional yang penting dalam membangunkan negara ke arah mentransformasi ekonomi.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, Lembaga Arkitek Malaysia (LAM) merupakan badan berkanun yang ditubuhkan di bawah Akta Arkitek 1967. Lembaga Arkitek Malaysia bertanggungjawab antara lain dalam menjalankan pendaftaran Arkitek Profesional, Arkitek Graduan, Pereka Bentuk Dalaman dan Pelukis Pelan Bangunan. Manakala Pertubuhan Arkitek Malaysia (PAM) pula merupakan sebuah organisasi yang ditubuhkan di bawah Akta Pertubuhan, 1966 bertujuan untuk memelihara kepentingan ahli-ahlinya sebagaimana ditetapkan dalam perlembagaan pertubuhan berkenaan.

Untuk menjadi seorang Arkitek Profesional, seseorang graduan Arkitek itu perlu melalui syarat-syarat yang diperuntukkan di bawah Akta Arkitek 1967, termasuk lulus peperiksaan profesional yang dikelola oleh Lembaga Arkitek Malaysia. Kegagalan mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan akan menyebabkan seseorang graduan Arkitek itu tidak akan dipertimbangkan sebagai Arkitek Profesional. Sehingga kini terdapat seramai 1,515 orang graduan Arkitek yang berdaftar dengan LAM di mana daripada jumlah tersebut, seramai 956 orang atau 63.1% terdiri daripada Arkitek Bumiputera. Manakala jumlah Arkitek Profesional yang berdaftar dengan LAM pula ialah seramai 443 orang di mana 638 orang (36.6%) terdiri daripada Arkitek Profesional Bumiputera.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, LAM sememangnya giat menganjurkan pelbagai aktiviti pembangunan profesional yang berterusan. Ini bagi memastikan semua graduan Arkitek dan Arkitek Profesional yang berdaftar, termasuk Arkitek Bumiputera sentiasa berusaha mempertingkatkan ilmu pengetahuan mereka selaras dengan perkembangan semasa. Di dalam masa yang sama juga, bagi membangunkan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB) dalam RMKe-10, Kerajaan telah merangka pelbagai program untuk tujuan tersebut, termasuk dalam bidang yang melibatkan firma-firma profesional tempatan. Antaranya seperti penubuhan

makmal khas di bawah Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) di bawah Jabatan Perdana Menteri.

Ini bagi memastikan lebih ramai profesional Bumiputera mampu bersaing pada peringkat yang lebih tinggi terutama dalam menghadapi cabaran liberalisasi ekonomi pada masa hadapan.

Sekian. Terima kasih.

(14)

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA DR. HAJIDZULKEFLY BIN AHMAD
(KUALA SELANGOR)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH 24.03.2011

Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad (KualaSelangor) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan apakah kedudukan PROTON dalam usaha mendapatkan rakan kongsi berjenama antarabangsa dengan kadar segera sebagai usaha persediaan membuka pasaran automotif sesuai dengan tuntutan AFTA.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, adalah menjadi hasrat Kerajaan supaya PROTON mempunyai visi dan strategi jangka panjang untuk menjadi salah satu pengeluar kereta utama di peringkat antarabangsa. PROTON juga mempunyai falsafah untuk mengeluarkan kereta pada masa, harga dan pasaran yang tepat, di samping aspirasi dan hasrat PROTON untuk menjadi syarikat automotif yang mampu bersaing di persada serantau dan antarabangsa dengan memberi nilai melalui kualiti dan inovasi produk dan perkhidmatan, yang menjadi kepercayaan pembeli.

2. Sehubungan dengan itu, Kerajaan sentiasa menyokong sebarang usaha daripada PROTON untuk meningkatkan kebolehpasaran keluarannya dan meningkatkan kemampuan operasinya bagi mencapai skala ekonomi yang memberikan puiangan positif kepada syarikat dan negara. Di samping itu, PROTON turut meninjau sebarang usaha sama strategik bagi memenuhi keperluan tersebut. Namun, sebarang usaha sama yang ditawarkan perlulah mengambilkira dan memenuhi keperluan-keperluan dan aspirasi PROTON.

3. PROTON kini masih meneruskan usahanya untuk mencari rakan strategik yang lain. Walau bagaimanapun, persekitaran automotif global yang kian mencabar dijangka akan memberi kesan kepada sebarang usaha PROTON untuk menjalinkan pakatan strategik. Buat masa ini, PROTON sememangnya telah menjalin hubungan strategik dalam beberapa bidang tertentu termasuk usaha sama produk dengan Mitsubishi, usaha sama pembuatan serantau di China dan Iran. Baru-baru ini juga, Kerajaan mengambil maklum bahawa PROTON sedang menjalankan kajian kebolehlaksanaan (*feasibility study*) bersama kumpulan Nissan untuk menganalisa aspek-aspek serta cara di mana kedua-kedua syarikat dapat membantu antara satu sama lain dari segi teknikal mahupun komersil.

4. Dari segi kemungkinan keputusan yang melibatkan sebarang persoalan mengenai jenis pakatan strategik dengan mana-mana pihak, ianya hanya akan dipertimbangkan apabila syarikat usaha sama yang sesuai telah dikenal pasti. Walau bagaimanapun, bagi merealisasikan rundingan pakatan strategik ini, ia haruslah berpaksi kepada objektif saling menang (*win-win situation*) serta menekan kepada kepentingan pemeliharaan ekosistem automotif tempatan serta jenama PROTON itu sendiri.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN BAGI DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA DATO' LILAH BIN YASIN [JEMPOL]

TARIKH 24 MAC 2011 (KHAMIS)

SOALAN

Dato' Lilah bin Yasin [Jempol] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan

- (a) apakah tahap semangat patriotik dan cintakan negara di kalangan rakyat Malaysia; dan
- (b) apakah program Kementerian dalam membina nilai-nilai murni.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menanam semangat patriotisme di kalangan rakyat Malaysia, Kementerian ini melalui aktiviti dan program yang dilaksanakan sentiasa memberi penekanan khusus terhadap pembangunan dan penerapan semangat jati diri di kalangan rakyat negara ini dengan menyemai dan memupuk rasa kecintaan terhadap negara. Tahap

PERTANYAAN

semangat patriotik dan cintakan negara di kalangan rakyat adalah amat positif dan bukti

daripada penyertaan serta sambutan yang menggalakkan dari kalangan rakyat seperti Sambutan Majlis Rumah Terbuka Malaysia, Program-Program Kemerdekaan dan Program Budi Bahasa dan Nilai-Nilai Murni yang telah dilaksanakan oleh Kementerian ini semenjak beberapa tahun kebelakangan ini.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

LISAN
DARIPADA : PUAN TEO NIE CHING
[SERDANG]
TARIKH 24 MAC 2011

SOALAN

Puan Teo Nie Ching [Serdang] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan sebab-sebab keruntuhan syiling bumbung Hospital Serdang, kos untuk kerja pembaikpulihan, pihak yang menanggung kos pembaikpulihan dan langkah-langkah yang bakal diambil oleh Kementerian untuk menjamin tahap keselamatan struktur bangunan Hospital Serdang.

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagaimana yang kita semua maklum, keruntuhan siling telah berlaku di lobi utama Hospital Serdang pada 30 Januari 2011. Semua langkah-langkah keselamatan telah diambil sejurus berlakunya keruntuhan siling tersebut seperti menutup kawasan tersebut kepada orang ramai dan memutuskan bekalan elektrik bagi mengelakkan perkara-perkara tidak diingini berlaku. Tindakan - tindakan susulan juga telah diadakan oleh pihak-pihak yang berkaitan seperti Jabatan Kerja Raya (JKR), Jabatan Kesihatan Negeri Selangor (JKNS), pihak Hospital Serdang, Ibupejabat Kementerian Kesihatan dan juga pihak kontraktor. Kajian telah dibuat untuk mengenalpasti punca-punca keruntuhan berlaku dan juga tindakan-tindakan susulan yang perlu diambil oleh pihak yang berkaitan.

Memandangkan pihak JKR mempunyai kepakaran dalam sistem kejuruteraan bangunan, Unit Forensik, Cawangan Kejuruteraan Awam, Struktur dan

SOALAN NO : 16

Jambatan, JKR telah diminta untuk menyasat dan mengenalpasti punca-punca yang menyebabkan berlakunya keruntuhan siling dan kerja-kerja tersebut telah pun dimulakan. Memandangkan kerja-kerja penyiasatan masih berjalan, pihak Kementerian dengan persetujuan pihak JKR akan merobohkan keseluruhan siling di kawasan terbabit sebagai langkah keselamatan. Adalah diharapkan di samping mengenalpasti punca-punca keruntuhan siling, hasil siasatan tersebut juga akan dapat menentukan pihak sebenar yang perlu menanggung kos pembaikpulihan. Kos pembaikpulihan dan penggantian siling seluas 2500 meter persegi dianggarkan sebanyak RM800 ribu.

Bagi mengelakkan perkara yang sama berulang, pihak Kementerian Kesihatan akan mencadangkan supaya kerja-kerja pembaikpulihan menggunakan jenis siling yang lebih ringan dan mudah untuk diselenggara. Di samping itu juga, pihak Kementerian Kesihatan akan mengarahkan pihak syarikat penyelenggaraan hospital untuk mempertingkatkan lagi kualiti kerja-kerja pemantauan bagi menjamin tahap keselamatan struktur bangunan Hospital Serdang dan lain-lain hospital di bawah Kementerian Kesihatan secara keseluruhannya.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN
DARIPADA
TARIKH
SOALAN

JAWAB LISAN DATUK WEE JECK SENG 24
MAC 2011 (KHAMIS) NO.17

Datuk WeeJeck Seng [Tanjong Piai Jminta
MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan
IPTA yang mendapat pengecualian dalam
peperiksaan ACCA kepada graduan Sarjana Muda Perakaunan
serta setakat mana pengecualian tersebut diberikan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebanyak 14 institusi pengajian tinggi awam (IPTA) telah diberi pengiktirafan daripada badan profesional perakaunan *The Association of Chartered Certified Accountants*(ACCA). IPTA yang terlibat adalah:

- I- Universiti Malaya (UM);
- ii. Universiti Sains Malaysia (USM);
- iii. Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM);
- iv. Universiti Putra Malaysia (UPM);
- V. Universiti Teknologi Malaysia (UTM);
- vi. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (IIAM);
- vii. Universiti Utara Malaysia (UUM);

- viii. Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS);
- ix. Universiti Malaysia Sabah (UMS);
- x. Universiti Sains Islam Malaysia (USIM);
- xi. Universiti Teknologi MARA (UITM);
- xii. Universiti Malaysia Terengganu (UMT);
- xiii. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM); dan
- xiv. Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA).

Pengiktirafan tersebut adalah dalam bentuk pengecualian peperiksaan profesional badan berkenaan untuk beberapa mata pelajaran tertentu bagi graduan Sarjana Muda Perakaunan. Antara mata pelajaran yang diberi pengecualian oleh ACCA adalah seperti berikut:

- I. Accountant In Business*
- II. Management Accounting*
- III. Financial Accounting*
- IV. Corporate And Business Law*
- V. Performance Management*
- VI. Taxation*
- VII. Financial Reporting*
- VIII. Audit And Assurance*
- IX. Financial Management*

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN LISAN
DARIPADA Y.B. TUAN KULASEGARAN A/L MURUGESON
(IPOH BARAT)

TARIKH : **24.03.2011**

SOALAN:

Y.B. TUAN KULASEGARAN A/L MURUGESON [IPOH BARAT] minta Menteri Pelajaran menyatakan bilangan SJKT yang mempunyai persekitaran yang tidak kondusif untuk suasana belajar dan apakah langkah atau tindakan yang akan diambil untuk mengatasi masalah tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) amat prihatin dengan masalah berkaitan akses pendidikan yang menjadi faktor utama dalam pembangunan modal insan yang berkualiti. Justeru, KPM menyediakan peruntukan bagi tujuan pembangunan pendidikan kepada semua jenis sekolah termasuklah sekolah- sekolah bantuan kerajaan yang memerlukan bantuan. Peruntukan kewangan disediakan bagi tujuan kerja-kerja naik taraf, penyelenggaraan, peralatan dan kecemasan mengikut keutamaan berdasarkan kritikaliti sesuatu projek yang dicadangkan.

Keutamaan diberikan bagi kes-kes kecemasan dan kritikal terlebih dahulu memandangkan peruntukan yang diluluskan dan keupayaan kewangan Kerajaan adalah terhad. Walau bagaimanapun, jika sekolah tersebut benar-benar memerlukan tindakan segera yang melibatkan keselamatan murid dan guru-guru, maka permohonan boleh diajukan kepada Jabatan Pelajaran Negeri yang berkaitan.

Rjm 60

PERTANYAAN DARIPADA PEMBERITA HU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT DAN SUKAN
DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID
[Pengerang]

TARIKH 24 MAC 2011 (KHAMIS)

SOALAN NO.19

Dato' Sri Azalina binti Dato' Othman Said [Pengerang] minta MENTERI BELIA DAN SUKAN menyatakan

- (a) langkah dan perancangan yang diambil mengenai sukan-sukan yang mempunyai potensi untuk menyumbang pingat emas kepada negara; dan
- (b) apakah Kerajaan bercadang memberikan peruntukan tambahan kepada sukan-sukan yang berpotensi untuk menyumbang pingat emas atau hanya memberikan keutamaan kepada 1- 2 jenis sukan sahaja.

JAWAPAN

1. Kementerian Belia dan Sukan melalui Majlis Sukan Negara telah pun melaksanakan program khas iaitu Program Road To London 2012 sejak Februari 2009 bagi mempersiapkan atlet yang berpotensi memenangi pingat emas pertama negara di Sukan Olimpik London 2012. MSN juga telah merangka program penyediaan atlet elit jangka panjang ke arah Sukan Komanwel, Glasgow dan Sukan Asia, Incheon pada tahun 2014.

**Program ini dikenali sebagai Program Persediaan Atlet Elit 2011 - 2014
yang telah**

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

SULIT

bermula pada Januari 2011. Sebanyak 19 jenis sukan telah dikenal pasti untuk dimasukkan ke dalam program tersebut.

- 2. Peruntukan yang disediakan bagi program-program ini adalah berdasarkan kepada pelan periodisasi latihan yang dirancang oleh jurulatih dengan persetujuan Persatuan Sukan Kebangsaan dan Majlis Sukan Negara. Walau bagaimana pun, sukan-sukan yang tidak berada di dalam program latihan Majlis Sukan Negara tetap menerima bantuan**

dengan kadar peruntukan yang sewajarnya.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

SULIT

Soalan No : 20

LISAN

DARIPADA

Y.B. TUAN NGA KOR MING
(TAIPING)

TARIKH

24.03.2011

SOALAN:

Y.B. TUAN NGA KOR MING [TAIPING] minta Menteri Pelajaran menyatakan rasional dan sama ada terdapat langkah-langkah positif untuk memansuhkan surat pekeliling ikhtisas Kementerian tahun 1989 yang melarang pertukaran murid-murid dari Sekolah Kebangsaan (SK) ke Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK) sedangkan kedua-dua aliran sekolah adalah sekolah Kerajaan.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM tidak mengeluarkan sebarang surat pekeliling yang melarang pertukaran murid dari Sekolah Kebangsaan ke Sekolah Jenis Kebangsaan. Surat Pekeliling yang dimaksudkan adalah Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 8/1989: Pertukaran Aliran Bahasa Pengantar Murid-Murid Sekolah Rendah.

Bagi tujuan keseragaman, melalui surat pekeliling tersebut menyatakan Pengarah-Pengarah Pelajaran Negeri dibenarkan memberi kelulusan kepada permohonan-permohonan seperti berikut:

- i. Permohonan daripada murid-murid Tahun Satu mana-mana aliran bahasa pengantar;
- ii. Permohonan daripada murid-murid Tahap Satu yang berpindah mengikuti ibu bapa mereka ke satu kawasan/daerah lain yang tidak mempunyai sekolah aliran bahasa pengantar yang sama dengan sekolah asal mereka; dan
- iii. Permohonan daripada murid-murid Melayu di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) atau Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) yang menghadapi kesulitan dan kesukaran mengikuti pelajaran di sekolah-sekolah tersebut.

Sehubungan itu, ibu bapa diberikan masa untuk membuat pilihan dan keputusan berhubung aliran persekolahan anak-anak mereka. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat permohonan yang tidak menepati mana-mana kriteria di atas, permohonan tersebut hendaklah dikemukakan ke KPM untuk pertimbangan dan kelulusan.

KPM mengutamakan kebajikan dan kepentingan pembelajaran murid. Surat Pekeliling ini hanya sebagai panduan memandangkan pertukaran aliran (bahasa pengantar) setelah tempoh yang agak panjang dikhuatiri boleh menjejaskan prestasi pembelajaran murid. Selain itu, SK adalah merupakan sekolah aliran perdana untuk semua kaum yang sepatutnya menjadi pilihan dan tumpuan semua kaum di Malaysia. Selain memberi peluang menimba ilmu pengetahuan, SK menyediakan wadah bagi menyemai, memupuk dan menerap nilai-nilai perpaduan, saling faham-memahami dan toleransi semua kaum bermula di tahap seawal mungkin.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	YB TUAN SALLEH BIN KALBI (SILAM)
TARIKH	24.03.2011 (KHAMIS)

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan jumlah pelatih yang memohon secara sukarela untuk mengikuti Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) bagi tahun 2010 dan 2011 dan nyatakan kriteria pemilihan bagi mengikuti latihan PLKN berkenaan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah permohonan “pelatih sukarela” yang diterima oleh Jabatan Latihan Khidmat Negara (JLKN) bagi tahun 2010 adalah sebanyak 3,050 permohonan. Bagi tahun 2011 pula, setakat ini, JLKN telah menerima sebanyak 2,325 permohonan.

Kriteria pemilihan untuk menjadi “pelatih sukarela” adalah sama seperti kriteria untuk menjadi “pelatih semasa” iaitu pelatih tersebut hendaklah terdiri daripada remaja yang sebaya dengan “pelatih semasa” yang terpilih melalui pemilihan rawak berkomputer. Selain itu, “pelatih sukarela” juga perlu mempunyai tahap kesihatan yang baik supaya dapat menjalani aktiviti-aktiviti latihan dengan jayanya.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

JAWAB LISAN

PERTANYAAN TUAN SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL [
DARIPADA MACHANG]

24 MAC 2011, KHAMIS

TARIKH

SOALAN:

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah strategi baharu yang digunakan oleh Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) agar kegagalan agensi yang bertindak membela Bumiputera sebelum ini tidak diulangi oleh unit ini.

JAWAPAN:

Pendekatan *one size fits all* dan penumpuan keutamaan kepada kumpulan tertentu merupakan antara faktor kegagalan agensi yang bertindak membela Bumiputera sebelum ini. Justeru, empat prinsip utama, iaitu mesra pasaran, berdasarkan keperluan, merit dan ketelusan akan digunapakai bagi memastikan Bumiputera yang lahir benar-benar berkualiti dan mempunyai daya saing serta daya tahan.

Bagi tujuan tersebut, pelbagai inisiatif dan strategi telah dirancang dan akan dilaksanakan oleh Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) bagi meningkatkan pemilikan dan penguasaan ekuiti Bumiputera serta penyertaan di dalam pelbagai sektor ekonomi. Di antara strategi utama adalah memperkukuhkan pelaksanaan Skim Jejak Jaya Bumiputera (SJJB) dengan sasaran minimum sejumlah RM2 bilion modal pasaran. Melalui SJJB, langkah akan diambil untuk membantu mempercepatkan bilangan syarikat Bumiputera yang berkelayakkan untuk disenaraikan di Bursa Malaysia.

Pada masa yang sama, TERAJU sedang melaksanakan makmal Bumiputera untuk mengenalpasti beberapa inisiatif serta strategi baru bagi meningkatkan penyertaan Bumiputera di dalam *Entry Point Project* (EPP), terutamanya di kalangan enterpris kecil dan sederhana (SME). Makmal ini juga bertujuan menilai tahap sokongan institusi berkaitan dalam memperkukuhkan kapasiti dan tahap kecekapan SME Bumiputera, terutamanya dari segi pemilikan ekuiti dan daya saing untuk meningkatkan penyertaan mereka di dalam pasaran domestik dan global. Satu Pelan Tindakan Agenda Pembangunan Bumiputera akan dihasilkan daripada perbincangan makmal yang dilaksanakan dan akan dibentangkan kepada Majlis Tindakan Agenda Bumiputera (MTAB).

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB Dato' Sri Haji Zulhasnan bin Rafique

TARIKH : 24 MAC 2011

SOALAN :

YB DATO' SRI HAJI ZULHASNAN BIN RAFIQUE [Setiawangsa] minta

Tuan Yang Di Pertua,

MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan jumlah mereka yang menganggur dan diberhentikan kerja pada lima tahun kebelakangan ini dan tahap pelaksanaan Skim Latihan Semula Siswazah dan golongan mereka yang diberhentikan kerja yang dilaksanakan oleh Kementerian

PR-000-41198

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

1. Mengikut data Jabatan Tenaga Kerja dan Jabatan Perangkaan Malaysia, bilangan pekerja yang diberhentikan dan bilangan penganggur bagi 5 tahun adalah seperti berikut:

Tahun	Bilangan Diberhentikan	Bilangan Yang Menganggur ('000) (Jabatan Perangkaan)
2006	24,842	353.6
2007	25,865	351.4
2008	35,013	368.5
2009	36,243	418.0
2010	12,112	391.4

2. Tahun 2009 mencatatkan jumlah pemberhentian pekerja dan pengangguran yang tinggi iaitu 36,243 orang diberhentikan kerja dan 418, 000 bilangan penganggur. Bagi tahun 2011, sehingga 7 Mac 2011 seramai 1,617 orang telah diberhentikan.

3. Di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi 1 dan 2, KSM diperuntukkan sebanyak RM 348,428,320.00 bagi melaksanakan program *Train & Place* kepada pekerja yang diberhentikan, graduan dan belia menganggur. Tujuan program tersebut ini ialah :

- a. Menangani masalah pemberhentian kerja semasa krisis ekonomi negara;
- b. Memberi latihan kemahiran kepada pekerja yang diberhentikan kerja, graduan dan belia menganggur bertujuan meningkatkan kemahiran dan sebagai persediaan untuk memasuki pasaran pekerjaan; dan

Tuan Yang Di Pertua,

c. Menempatkan pelatih program ke dalam pekerjaan sebaik tamat latihan.

4. Seramai 39,035 pekerja yang diberhentikan, graduan dan belia menganggur telah mengikuti program *train and place*. Dari jumlah tersebut seramai 26,719 telah berjaya ditempatkan. Maklumat lengkap adalah seperti berikut:

Kategori Peserta	Bilangan Peserta	Bilangan Berjaya Ditempatkan
Pekerja Yang Diberhentikan	10,023	6,860
Graduan Menganggur	8,527	4,881
Belia Menganggur	20485	14,978
JUMLAH	39,035	26,719

5. Untuk tahun 2011, Kementerian Sumber Manusia telah diperuntukan sebanyak RM 30 juta bagi melaksanakan program 1 Malaysia untuk meningkatkan kemahiran tenaga kerja termasuk belia dan penganggur.

24

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB L1SAN DEWAN
RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA YB DATO' KAMARUDIN BIN JAFFAR
 [TUMPAT]**

TARIKH 24 MAC 2011

SOALAN

**Dato' Kamarudin Bin Jaffar [Tumpat]
minta MENTERI LUAR NEGERI menyatakan
peranan Malaysia dalam menyelesaikan isu
Palestin dan setakat mana pencapaiannya.**

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Izinkan saya untuk menjawab soalan daripada Yang Berhormat [Tumpat] serentak dengan soalan daripada Yang Berhormat [Balik Pulau] bertarikh 28 Mac 2011. Saya mengucapkan terima kasih kepada semua ahli-ahli Yang Berhormat di atas pertanyaan- pertanyaan yang telah dikemukakan.

2. Sepertimana Dewan yang mulia ini sedia maklum, Malaysia sentiasa memainkan peranan aktif dan positif ke arah usaha mencari penyelesaian yang adil dan saksama di dalam konflik Israel-Palestin, khususnya ke arah mewujudkan sebuah negara Palestin yang berdaulat dan merdeka. Dalam hal ini, Malaysia telah secara aktif dan berterusan menyuarakan pendiriannya di peringkat dua hala dan pelbagai-hala menerusi fora-fora antarabangsa, khususnya di dalam Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB), Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) dan Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) bagi memohon badan-badan dunia tersebut supaya lebih tegas dan serius dalam usaha memastikan kejayaan Pelan Damai Israel-Palestin demi menjamin keselamatan dan kesejahteraan rakyat Palestin dari ancaman dan penindasan berterusan Regim Israel.

3. Malaysia juga sentiasa menggesa kuasa-kuasa besar dunia terutamanya Amerika Syarikat dan ahli-ahli Kuartet Timur Tengah supaya memainkan peranan yang lebih aktif dan positif dengan mengenakan tekanan terhadap rejim Israel supaya penyelesaian kepada konflik Israel-Palestin ini tercapai.

4. Dalam usaha untuk meringankan beban penderitaan rakyat Palestin, Kerajaan Malaysia telah menyalurkan pelbagai bantuan kemanusiaan umpamanya sumbangan kewangan bagi pembinaan semula sekolah, pembelian jentera bagi pihak berkuasa Palestin serta penganjuran kursus-

kursus bina upaya di bawah Program Kerjasama Teknikal Malaysia (PKTM) bagi rakyat Palestin. Kerajaan juga telah menyalurkan sumbangan kewangan kepada Kedutaan Palestin di Kuala Lumpur sejak tahun 1983. Sumbangan kewangan tersebut antara lain adalah untuk membantu dalam urusan operasi Kedutaan. Kerajaan Malaysia bagaimanapun, tidak mempunyai ketetapan atau peruntukan kewangan yang khusus untuk membantu umat Islam di Palestin.

5. Dari segi hubungan diplomatik dengan pihak Palestin, Malaysia merupakan antara negarai yang pertama di dunia memberi pengiktirafan kepada Kerajaan Palestin. Ini terbukti apabila Pejabat Pertubuhan Pembebasan Palestin atau *Palestine Liberation Organization* (PLO) ditubuhkan di Malaysia pada tahun 1974. Pejabat ini telah di naik taraf ke Kedutaan Besar Palestin pada tahun 1983. Sehingga kini, Malaysia hanya mempunyai hubungan diplomatik dengan Pihak Berkuasa Palestin (*Palestine National Authority*) yang diterajui oleh Presiden Mahmoud Abbas.

6. Malaysia hanya mempunyai hubungan diplomatik dengan kerajaan-kerajaan di rantau Timur Tengah yang dilantik atau dipilih secara sah oleh rakyat negara masing-masing.

SOALAN NO : 25

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH
Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN **LISAN**
DARIPADA **IR. HAJI HAMIM BIN SAMURI**
 [LEDANG]
TARIKH **24 MAC 2011**

SOALAN

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan apakah rancangan Kerajaan seterusnya dalam menaikkan taraf perkhidmatan kesihatan klinik seperti Klinik Desa di Kg Teluk Rimba, Ledang yang hanya menyediakan Jururawat Masyarakat gred U19 yang terpaksa melayan 1500 penduduk di Kg tersebut dan sekelilingnya.

Tuan Yang di-Pertua,

Buat masa ini terdapat seorang Jururawat Masyarakat Gred U24 yang mengisi perjawatan di Klinik Desa Telok Rimba. Sehubungan dengan itu, satu jawatan Jururawat Masyarakat Gred U19 daripada Hospital Kota Tinggi telah diagihkan ke fasiliti kesihatan tersebut sebagai langkah bagi memastikan penyampaian perkhidmatan yang berkualiti di Klinik Desa Telok Rimba.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, Perkhidmatan kesihatan di Klinik Desa Kg. Teluk Rimba adalah meliputi perkhidmatan kesihatan ibu dan anak dan rawatan ringan bagi kes pesakit luar. Jabatan Kesihatan Negeri Johor bercadang untuk menempatkan Penolong Pegawai Perubatan di Klinik Desa Kg. Teluk Rimba menjelang tahun 2013. Walau bagaimanapun, penempatan Penolong Pegawai Perubatan boleh dipercepatkan di klinik desa ini jika beban kerja terutamanya kes rawatan pesakit luar yang tinggi. Bagi tahun 2010 pengendalian kes rawatan pesakit luar (kes ringan) di klinik desa ini hanyalah 41 kes.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH
[KUANTAN]
TARIKH 24 MAC 2011 (KHAMIS)

SOALAN:

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan] meminta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah data-data dalam jabatan statistik negara akan dapat disimpan dalam bentuk data tidak terkumpul (disaggregated data) untuk tujuan analisa dan sama ada terdapat peruntukan kewangan disediakan untuk pisahkan data yang sedia ada.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, Jabatan Perangkaan Malaysia (JP) melaksanakan fungsinya tertakluk kepada peruntukan di bawah Akta Perangkaan 1965 (Disemak - 1989). Di samping itu, JP menjalankan band di bawah peruntukan Akta Band 1960 (Disemak - 1969).

Terdapat peruntukan perundangan yang menjamin kerahsiaan maklumat responden seperti yang termaktub di Seksyen 4. (2) Akta Perangkaan 1965 (Disemak -1989).

Jaminan kerahsiaan maklumat responden ini amatlah penting kerana ia dapat meningkatkan keyakinan masyarakat terhadap peranan JP di samping mewujudkan persefahaman antara Jabatan dan pengguna.

Berdasarkan kepada perundangan mengenai kerahsiaan maklumat responden tersebut, data-data yang diterbitkan oleh JP merupakan data terkumpul (agregat) sahaja.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat juga, tiada peruntukan kewangan khusus untuk memisahkan data yang sedia ada. Pelaksanaan adalah berdasarkan kepada peruntukan Akta seperti yang dinyatakan tadi.

PEMBERITAHU
PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN **LISAN**

DARIPADA **Y.B. DATO' SHAMSUL ANUAR BIN NASARAH (**
LENGGONG)

TARIKH **24.03.2011**

SOALAN:

Y.B. DATO' SHAMSUL ANUAR BIN NASARAH [LENGGONG] minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah taburan guru mengikut pengkhususan di seluruh negara:-

- (a) benarkah berlaku lebih guru-guru Sains dan Matematik dan juga berlaku pengurangan guru dalam bidang tertentu sehingga menyebabkan ada guru terpaksa mengajar di luar bidang kepakarannya; dan
- (b) penggunaan data eKASIH dalam pemberian bantuan di sekolah- sekolah menimbulkan pelbagai masalah, adakah Kementerian merancang kaedah pemilihan yang lain.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

- a) Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa memastikan penempatan guru di sekolah-sekolah adalah berdasarkan keperluan perkhidmatan dan opsyen guru tersebut. Walau bagaimanapun, KPM mengakui terdapat lebih guru-guru opsyen Sains dan Matematik dan pada masa yang sama pula berlaku pengurangan dalam bidang tertentu seperti Sejarah dan Bahasa Inggeris.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM telah mengambil langkah proaktif bagi mengatasi masalah itu dengan melaksanakan Program Intervensi Tambah Opsyen Bagi Guru Opsyen Sains Tulen, Matematik dan Ekonomi. Program Intervensi ini bertujuan untuk meningkatkan kepakaran guru-guru daripada opsyen yang dikenalpasti berlebihan dalam perkhidmatan untuk mengajar mata pelajaran yang lain yang diperlukan.

- b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM menggunakan data eKASIH dalam menentukan penerima bantuan KWAPM. Walau bagaimanapun, mulai tahun 2011 pemberian bantuan KWAPM adalah berdasarkan kepada data eKASIH dan data Borang Rumusan Permohonan (BRP) iaitu permohonan daripada pihak sekolah bagi murid miskin yang layak untuk menerima bantuan tetapi masih belum berdaftar dengan sistem eKASIH. Perkara ini adalah selaras dengan keputusan Mesyuarat Majlis Tindakan Negara (MTN) Bil. 3 Tahun 2010 yang dipengerusikan oleh Y.A.B. Perdana Menteri pada 6 Disember 2010 iaitu memutuskan bahawa sekiranya terdapat mana-mana insiden kemiskinan yang belum disenaraikan dalam eKASIH tetapi Kementerian merasakan ia layak diberi bantuan, maka bantuan kepada murid-murid tersenut boleh dipertimbangkan.

Rjm 57

DEWAN RAKYAT MALAYSIA PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA :

TUAN HAJI AHMAD BIN KASSIM

[KUALA KEDAH]

TARIKH

: 24 MAC 2011

SOALAN

Tuan Haji Ahmad Bin Kassim [Kuala Kedah] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan berapakah jumlah saman yang telah dikeluarkan bagi kes pembakaran terbuka mengikut Akta Kualiti Alam Sekitar 1974 yang melibatkan industri, orang perseorangan atau pemilik

SOALAN NO: 29

sawah padi bagi tahun 2000 hingga 2010.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan rekod Jabatan Alam Sekitar (JAS), dari tahun 2000 hingga 2010, sebanyak 2323 kompaun telah ditawarkan bagi kesalahan melakukan pembakaran terbuka.

Dari jumlah tersebut, 1162 kompaun dikeluarkan kepada pihak kilang; 1101 kepada pihak-pihak bukan kilang (termasuklah ladang dan tapak pembinaan); 2 kepada pemilik sawah; dan 58 kepada orang perseorangan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN

JAWAB LISAN

DARIPADA

DATUK SERI PANGLIMA ABDUL
GHAPUR BIN HAJI SALLEH [
KALABAKAN]

TARIKH

24 MAC 2011 (KHAMIS)

SOALAN

Datuk Seri Panglima Abdul Ghapur Bin Haji Salleh [Kalabakan] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan apakah Kementerian merancang untuk membenarkan rakyat khususnya di luar bandar menggunakan Parabola memandangkan pada zaman siber ini dunia sudah tidak lagi bersempadanan dalam segi maklumat dan komunikasi.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Penggunaan "*Parabolic Disc Antenna*" untuk tujuan penerimaan siaran televisyen luar negara pada dasarnya tidak dibenarkan kepada orang awam. Penggunaannya dikhuatiri akan memberi kesan negatif kepada masyarakat di negara ini kerana penerimaan TV satelit secara terus adalah tidak ditapis dan kandungan siaran berkemungkinan tidak sesuai dengan adat, budaya dan tatasusila masyarakat negara kita. Oleh yang

SOALAN NO: 29

demikian, penggunaan parabola di Malaysia tidak dibeharkan tanpa kelulusan daripada Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan.

Walau bagaimanapun, Kerajaan tidak menghalang daripada pengguna menggunakan satelit untuk komunikasi data (*data communication*) termasuk perkhidmatan jalur lebar. Syarikat yang berkeelayakan boleh memohon lesen daripada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia ("SKMM") dibawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 untuk menyediakan perkhidmatan jalur lebar melalui satelit kepada masyarakat awam.

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA YB PUAN HAJAH ZURAIDA BINTI

KAMARUDDIN (AMPANG)

TARIKH 24 MAC 2011 (KHAMIS)

SOALAN

YB Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang] minta MENTERI

PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

SOALAN NO. 30

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

menyatakan apakah wujud suatu polisi kerjasama antara Kementerian dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dalam program-program pemberdayaan dan pembangunan masyarakat setempat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara Meningkatkan Taraf Hidup Isi Rumah Berpendapatan Rendah yang diterajui oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, telah mengambil langkah proaktif dalam memberikan bantuan perumahan kepada golongan berpendapatan rendah. Ini dibuktikan melalui penetapan salah satu petunjuk prestasi utama nasional pada tahun 2010 dengan menawarkan sebanyak Enam Puluh Satu Ribu Satu Ratus Tiga Puluh Enam (61,136) unit rumah di bawah Projek Perumahan Rakyat (PPR) yang dilaksanakan oleh Jabatan Perumahan Negara (JPN), Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk disewa sebelum 31 Disember 2010. Pencapaian bagi inisiatif yang dilaksanakan sepenuhnya oleh Jabatan Perumahan Negara ini adalah sebanyak 91 peratus atau Lima Puluh Lima Ribu Lapan Ratus Enam Puluh Empat (55,864) unit rumah telah pun berjaya diduduki oleh penyewa yang layak.

Usaha meningkatkan taraf kualiti hidup golongan berpendapatan rendah melalui

Tuan Yang di-Pertua,

bantuan perumahan akan diteruskan pada tahun 2011 sebagai petunjuk prestasi utama nasional dengan sasaran bagi menyediakan Tujuh Puluh Lapan Ribu Lima Ratus Dua Puluh Lima (78,525) unit rumah untuk dijual dan disewa kepada golongan berpendapatan rendah menjelang 31 Disember 2011. Justeru, Kerjasama yang sedia terjalin di antara Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan adalah bagi memastikan sasaran yang telah ditetapkan di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara Meningkatkan Taraf Hidup Isi Rumah Berpendapatan Rendah tercapai.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT PARLIMEN KEDUA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN

JAWAB LISAN

DARIPADA

YB DATO' DR. MOHAMAD

SHAHRUM BIN OSMAN (LIPIS)

TARIKH

24 MAC 2011

SOALAN

Minta Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah menyatakan berapa jumlah usahawan setakat ini yang mendapat manfaat di bawah Skim Pembiayaan Ekonomi Desa (SPED) di luar bandar.

Jawapan:

Tuan Yang di-Pertua,

SOALAN NO : 31

Untuk makluman Yang Berhormat, secara keseluruhannya, sejak Skim Pembiayaan Ekonomi Desa (SPED) diperkenalkan pada tahun 2001 sehingga 28 Februari 2011, seramai **2,313** orang usahawan luar bandar telah dibantu. Jumlah pembiayaan yang terlibat adalah sebanyak dua ratus empat puluh empat juta, empat ratus empat puluh enam ribu, lima ratus enam puluh tiga ringgit dan lima puluh lima sen (**RM244,446,563.55**).

Secara terperinci, di bawah **RMKe-8** seramai **642** orang usahawan luar bandar telah dibiayai. Jumlah pembiayaan yang diluluskan adalah sebanyak lapan puluh lapan juta, empat puluh tiga ribu, empat ratus sembilan ringgit dan dua belas sen (**RM88,043,409.12**). Di bawah **RMKe-9** pula seramai **1,643** orang usahawan telah mendapat pinjaman yang melibatkan pembiayaan sebanyak seratus lima puluh empat juta, seratus lapan puluh satu ribu, enam ratus empat ringgit dan empat puluh tiga sen (**RM 154,181,604.43**).

Di bawah **RMKe-10**, bagi tempoh dua (2) bulan pertama tahun 2011, seramai **28** orang usahawan luar bandar lagi telah dibiayai dengan nilai pembiayaan berjumlah dua juta dua ratus dua puluh satu ribu, lima ratus lima puluh ringgit (**RM2,221,550.00**).

PEMBERIT
AHU
PERTANYA
AN
DEWAN
RAKYAT.
LISSAN
MALAYSIA

PERTANYAAN **Tuan Charles Anthony A/L R.Santiago**

DARIPADA **Klang**

KAWASAN **24.3.2011 (Khamis)**

TARIKH NO. **^24'**

SOALAN

**Tuan Charles Anthony A/L R.Santiago [Klang] minta MENTERI
PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan**

(a) jumlah perkerjaan baru yang di wujudkan; dan

**(b) jumlah pelaburan baru yang datang ke Malaysia dan
sektor berkenaan selepas menandatangani perjanjian
ASEAN-China FTA.**

Jawapan

Tuan yang Di Pertua,

Perjanjian Pelaburan ASEAN-China telah ditandatangani pada 15 Ogos 2009 dan telah mula dilaksanakan pada 1 Januari 2010. Semenjak mula dikuatkuasakan, jumlah pelaburan baru daripada negara China dalam sektor perkilangan telah menunjukkan peningkatan yang tinggi yang telah menyumbang kepada pekerjaan baru.

Jumlah bilangan pekerjaan yang diwujudkan pada tahun 2010 terus meningkat sebanyak 91.6 peratus kepada 2,069 bilangan pekerjaan pada tahun 2010 dari 1,080 pada tahun 2009.

Tuan Yang Dipertua,

Jumlah pelaburan baru daripada negara China Ke Malaysia dalam sektor perkilangan menunjukkan lonjakan peningkatan dari tahun 2008 hingga 2010. Pelaburan daripada negara China yang telah diluluskan dalam sektor perkilangan pada tahun 2008 berjumlah RM36 juta dan jumlah ini melonjak sebanyak 350 peratus kepada RM162 juta pada tahun 2009. Pada tahun 2010, jumlah pelaburan dalam sektor perkilangan dari negara China terus menunjukkan peningkatan sebanyak 295 peratus berjumlah RM640 juta.

Pelaburan baru dalam sektor perkilangan daripada negara China ini melibatkan industri seperti tekstil dan produk tekstil, perabut dan kelengkapan, produk getah, produk plastik, kayu dan produk kayu serta mesin dan peralatan

**DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT PARLIMEN
KEDUA BELAS (2011)**

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA **DATUK HAJI MOHAMED BIN HAJI AZIZ [SRI
GADING]**

TARIKH **24 MAC 2011**

SOALAN

Datuk Haji Mohamed Bin Haji Aziz [Sri Gading] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah tindakan yang boleh diambil ke atas kenyataan 'fatwa songsang' Nik Aziz yang mengelirukan serta bercanggah dengan ajaran Islam sebenar.

JAWAPAN: **(Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI
JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI
JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sentiasa peka dan mengambil berat terhadap isu-isu agama semasa khususnya yang menyentuh sensitiviti masyarakat. Walaupun kerajaan memberi ruang kebebasan kepada masyarakat

untuk bersuara dan memberikan pandangan namun ia tidak sepatutnya dieksploitasi untuk kepentingan peribadi mahupun mana-mana parti politik khususnya apabila melibatkan isu-isu agama.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, fatwa di Malaysia ini hanya boleh dikeluarkan oleh badan berautoriti seperti Jawatankuasa Fatwa Negeri-Negeri dan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam (MKI).

Maka oleh itu sebarang pendapat atau pandangan hukum oleh mana-mana individu atau institusi selain daripada dua entiti tersebut tidak boleh dianggap sebagai fatwa sebaliknya sekadar pandangan hukum.

Berkaitan dengan 'kenyataan-kenyataan' yang dikeluarkan oleh Menteri Besar Kelantan, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) berpandangan, kenyataan yang diberikan beliau bukanlah fatwa, sebaliknya merupakan pandangan peribadi beliau. Terpulanglah kepada pihak Berkuasa Agama Islam Negeri untuk menangani isu tersebut dengan sebaik mungkin, memandangkan kuasa berkaitan agama Islam adalah terletak di bawah bidangkuasa pihak Berkuasa Agama Islam Negeri- Negeri.

Sekian, terima kasih.

NO. AUM : 2

PERTANYAAN

LISAN
NO. AUP

DARIPADA

TUAN
GWO-
BURN

TARIKH

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN E LOH
DEWAN RAKYAT

RUJUKAN

[
KELA
NA JAYA]

24 MAC 2011

3410

SOALAN:

Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan statistik terperinci punca dan tahap kecederaan anggota polis yang ditembak mati dan dcedera oleh penjenayah dari tahun **2000** sehingga **2010** dalam pecahan punca-punca kematian seperti yang dinyatakan oleh Menteri di Parlimen melalui jawapan Parlimen Ahli Parlimen Kelana Jaya pada 13 November 2010.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Kelana Jaya yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, secara keseluruhannya terdapat 163 kes yang melibatkan kecederaan dan kematian anggota polis yang disebabkan oleh penjenayah sejak tahun 2000 sehingga 2010. Daripada jumlah tersebut sebanyak 139 kes melibatkan kecederaan kepada anggota polis yang disebabkan oleh penjenayah di mana 29 kes adalah disebabkan ditembak, 10 kes ditikam dan ditetak, 31 kes diserang dan dipukul dan 69 kes dilanggar.

Selain daripada itu, sebanyak 24 kes melibatkan kematian kepada anggota polis semasa berhadapan dengan penjenayah di mana **2** kes adalah disebabkan ditembak, 2 kes ditikam dan ditetak, 5 kes diserang dan dipukul dan 15 kes dilanggar.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : DATO' SRI IR. MOHD ZIN BIN
MOHAMED (SEPANG)
TARIKH : 24 MAC 2010 (KHAMIS)

SOALAN

Dato' Sri Ir. Mohd Zin bin Mohamed (Sepang) minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah Kerajaan berhasrat untuk meneruskan projek-projek kritikal yang tidak tersenarai di dalam RMKe-10 di beberapa kawasan Parlimen memandangkan ianya memberi kesan yang amat ketara kepada pembangunan kawasan tersebut dan wajar diteruskan kerana memberi manfaat jangka panjang kepada proses transformasi ekonomi negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mulai Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10), pelaksanaan projek dibuat secara *rolling*, iaitu pemilihan projek dan penetapan siling peruntukan dibuat untuk dua tahun dan dikaji semula setiap tahun. Ini bermakna mana-mana projek kritikal yang belum disenaraikan dalam tempoh dua tahun pertama (2011-2012) boleh dimohon untuk dilaksana dalam tempoh dua tahun kedua (2012-2013). Dalam menilai dan mempertimbangkan projek baru, antara kriteria yang diutamakan adalah projek yang berbentuk *soft infrastructure* serta projek yang memberi kesan yang ketara kepada pembangunan ekonomi negara. Langkah ini selaras dengan matlamat Kerajaan yang menasaskan 40% daripada siling peruntukan RMKe-10 disalurkan kepada pembangunan bukan fizikal seperti latihan dan pendidikan.

**PEMBERIT
AHU
~~DEWAN RAKYAT, MALAYSIA~~
PERTANYAAN**

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	Dato' Rashid bin Din
KAWASAN	Merbok
TARIKH	24.3.2011 (Khamis)
NO. SOALAN	36

Dato' Rashid bin Din [Merbok] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah elemen dalam dasar automotif Nasional yang telah mengakibatkan pengeluaran kilang motorsikal nasional di Gurun hanya dapat mengeluarkan 50% (lebih kurang) daripada kemampuan kilang.

Jawapan

Tuan Yang Di Pertua,

Kenyataan bahawa Dasar Automotif Nasional (NAP) telah mengakibatkan syarikat pengeluar motosikal nasional, **MODENAS** mengeluarkan hanya 50 peratus dari kapasiti pengeluarannya adalah tidak benar.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kajian semula NAP yang diumumkan pada 28 Oktober 2009 hanya membenarkan pengeluaran Lesen Pengilang baru bagi segmen motosikal berkapasiti enjin 200 c.c dan lebih di mana ia tidak menjejaskan pengeluaran MODENAS yang tertumpu pada motosikal 150 c.c. dan ke bawah.

Isu penggunaan kapasiti pengeluaran adalah bergantung kepada faktor permintaan, yang mana memberi kesan kepada prestasi keseluruhan MODENAS.

PARLIMEN MALAYSIA PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

DARIPADA

TARIKH

SOALAN

: JAWAB LISAN

: Tuan Teng Boon Soon (Tebrau)

: 24 Mac 2011 (Khamis)

: Tuan Teng Boon Soon (Tebrau) minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan sebab- sebab tidak mengharamkan penjualan *Sharks Fin Soup* di restoran demi membantu usaha sejagat menyelamatkan ikan Jerung yang sedang menghadapi nasib kepupusan kerana pembunuhan yang kejam oleh manusia.

: Y.B. Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani

JAWAPAN OLEH

Tuan Yang DiPertua Untuk
Makluman Ahli Yang Berhormat,

Pelbagai spesies ikan yu terdapat di perairan Malaysia dan populasinya masih dalam keadaan mapan. Walau bagaimanapun, terdapat spesies yang telah menunjukkan kemerosotan iaitu yu paus (whale shark) dan 7 spesies di bawah kumpulan yu gergaji. Spesies ini telah disenaraikan di bawah spesies ikan yang terancam seperti termaktub dalam Peraturan - peraturan Perikanan (Pengawalan Spesies Ikan Yang Terancam) (Pindaan 2008). Di Malaysia, penangkapan ikan yu sama ada secara disengajakan ataupun tidak boleh berlaku dengan menggunakan pelbagai jenis peralatan menangkap ikan seperti pukat hanyut, pukat tunda, pukat jerut atau pancing.

Walaupun ikan yu bukan spesies sasaran untuk ditangkap tetapi ikan yu yang tertangkap sama ada bersaiz kecil atau besar biasanya dijadikan bahan makanan termasuklah siripnya yang dijual sebagai '*Sharks Fin*

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

Soup'. Penjualan sirip ikan yu atau 'fin' daripada kumpulan yu yang tidak disenaraikan sebagai spesies terancam tidak menjadi suatu kesalahan.

PERTANYAAN **LISAN**
DARIPADA **Y.B. PUAN CHONG ENG**
 (BUKIT MERTA JAM)
TARIKH **24.03.2011**

SOALAN:

Y.B. PUAN CHONG ENG [BUKIT MERTA JAM] minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah peruntukan untuk membina dan menaiktaraf sekolah- sekolah rendah pada tahun 2011, sila nyatakan amaun mengikut jenis aliran sekolah.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) amat prihatin dengan pembangunan pendidikan dan akses pendidikan yang menjadi faktor utama dalam pembangunan modal insan yang berkualiti. Tumpuan diberikan terhadap pemerkasaan Sekolah Kebangsaan (SK) sebagai aliran perdana untuk semua kaum dan sebagai wadah memupuk perpaduan dalam kalangan generasimuda.

Sehubungan dengan itu, bagi projek pembinaan sekolah rendah pada tahun 2011, terdapat 32 buah sekolah kebangsaan dengan siling sebanyak RM438.95 juta telah diperuntukkan. Manakala bagi projek menaiktaraf sekolah-sekolah rendah pada tahun 2011, terdapat 10 buah sekolah kebangsaan dengan siling peruntukan sebanyak RM 10.54 juta.

PEMBERITAHU PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT. MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA KAWASAN : DATUK MD. SIRAT BIN ABU

TARIKH : BUKIT KATIL :

NO. SOALAN 24.03.2011 (Khamis)

DATUK MD. SIRAT BIN ABU ^{04.3} minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan apakah cadangan insentif dan galakan terhadap pelabur tempatan untuk meningkatkan penanaman modal dalam negara seperti yang diperolehi oleh pelabur asing.

Tuan Yang DiPertua,

Prestasi pelaburan tempatan (DPI) dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan bagi tahun 2010 telah menunjukkan peningkatan berbanding tahun 2009 di mana negara telah menerima pelaburan dari sumber tempatan berjumlah RM18.1 billion melebihi pencapaian pada tahun 2009 iaitu RM10.5 bilion.

Dengan usaha-usaha yang dijalankan dan penambahbaikan yang berterusan serta komitmen Kerajaan untuk memperbaiki suasana pelaburan di Malaysia, Kerajaan menjangka akan dapat mencapai sasaran nisbah pelaburan DPI dan FDI sebanyak 73:27 selaras dengan sasaran di bawah Program Transformasi Ekonomi.

Dalam pemberian insentif, Kerajaan memberi lavanan yang sama rata kepada pelabur tempatan dan pelabur asing. Di antara insentif penggalakan pelaburan yang ditawarkan kepada para pelabur adalah:

- insentif dalam bentuk pengecualian cukai pendapatan (Taraf perintis) samada pada kadar 70 peratus atau 100 peratus bagi tempoh samada 5 atau 10 tahun berdasarkan produk atau aktiviti yang digalakkan di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986 dan Akta Cukai Pendapatan 1967;
- sebagai alternatif kepada Taraf Perintis, syarikat-syarikat boleh menikmati Elaun Cukai Pelaburan (ITA) pada kadar 60 peratus hingga 100 peratus ke atas perbelanjaan modal yang lavak (seperti kilang, loji, jentera dan kelengkapan lain), bagi tempoh 5 hingga 10 tahun;
- galakan pusingan kali kedua dalam bentuk Galakan Taraf perintis dan Elaun Cukai Pelaburan bagi industri terpilih seperti

pemerosesan makanan, industri berasaskan sumber (getah, kelapa sawit dan kayu) pengilangan ientera dan peralatan serta penggunaan biomas kelapa sawit untuk menghasilkan keluaran; dan

- pengecuaiian duti import dan/ atau cukai iualan ke atas bahan mentah/ komponen dan mesin/ peralatan kepada syarikat perkilangan dan penyedia perkhidmatan terpilih dengan syarat bahan-bahan tersebut tidak dapat dikeluarkan oleh atau diperolehi daripada pengeluar tempatan, dan digunakan secara langsung di dalam proses pengeluaran.

Tuan Yang DiPertua,

Kerajaan juga turut menvediakkan galakan istimewa atau “prepackaged incentive”, dengan izin kepada syarikat-syarikat yang berminat untuk melabur di Malaysia di sektor berintensifkan modal, berintensifkan pengetahuan dan bernilai tambah tinggi. Galakan istimewa ini ditawarkan berdasarkan perundingan dan persetuiuan antara pihak Kerajaan dan pihak syarikat.

Antara insentif yang istimewa yang disediakan adalah terdiri daripada pengecualian cukai, geran latihan dan geran untuk pembangunan dan penvelidikan. Selain itu, terdapat juga galakan bukan insentif yang disediakan oleh Kerajaan untuk

v

menggalakkan kemasukan pelaburan antaranya dengan menyediakan Program Rangkaian Industri. Melalui program ini, agensi di bawah MITI iaitu MIDA dan SME Corp. bekerjasama dalam mengenal pasti svarikat luar negara dan svarikat tempatan yang boleh dipadankan untuk menikmati *economies of scale*, dengan izin dan memperoleh manfaat dari segi pengurangan kos.

MITI juga sedang mengkaii beberapa cadangan insentif untuk pelabur domestik yang boleh di perkenalkan bagi menggalakkan lebih banyak pelaburan domestik dilakukan di Malaysia.

NO. AUM : 20

NO. AUP : ^Λ0

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN LISAN

DARIPADA DATUK ERIC ENCHIN MAJIMBUN [SEPANGGAR]

24 MAC 2011

TARIKH

3412

RUJUKAN

SOALAN:

Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan dengan jelas butiran dianuti selain daripada agama Islam yang tidak dibuktikan dalam dokumen Mykad dan jumlah permohonan yang mendapat kelulusan untuk pembetulan catatan agama mereka di setiap negeri.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua ,

Terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Sepanggar yang bertanyakan soalan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Butiran agama yang dianuti selain daripada agama Islam ialah Tao, Konfusianisme, Bahai Kristian, Budhha, Hindu, Sikhism, dan tiada agama. Maklumat agama pemilik MyKad ada di dalam cip MyKad. Namun begitu untuk penganut agama Islam, ia dicetak pada permukaan MyKad.

Tuan Yang DiPertua,

Jumlah permohonan yang mendapat kelulusan bagi pembetulan dan pindaan agama dari tahun 2005 hingga Januari 2011 adalah seperti berikut:-

BIL.	NEGERI	JUMLAH
1.	SARAWAK	1,162
2.	WILAYAH PERSEKUTUAN	1,127
3.	SELANGOR	958

4.	JOHOR	608
5.	SABAH	605
6.	PAHANG	509
7.	PERAK	234
8.	NEGERI SEMBILAN	223
9.	PULAU PINANG	138
10.	MELAKA	133
11.	KEDAH	120
12.	KELANTAN	68
13.	TERENGGANU	48
14.	PERLIS	11
15.	LAIN-LAIN	19,966
	JUMLAH:	25,910

Hi : H-!

PERTANYAAN
DARIPADA **PEMBERITAHUAN**
TARIKH **PERTANYAAN**
SOALAN **PERTANYAAN**

JAWAB LISAN DATO' HENRY
SUM AGONG 24 MAC 2011
(KHAMIS) NO.41

Dato' **DEWAN RAKYAT** Agong [Lawas] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan sama ada pelajar-pelajar yang terperangkap dalam rusuhan di Mesir akan dibenarkan meneruskan pengajian mereka di negara itu apabila keadaan sudah pulih kembali.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah mengesahkan bahawa keadaan di Mesir kini telah pulih dan para pelajar boleh kembali meneruskan pengajian mereka di sana.

Untuk tujuan itu, para pelajar perlu mendaftarkan nama dengan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) terlebih dahulu sebelum berlepas pulang ke Mesir melalui pautan di laman web <http://iPt.m0he.Q0v.mv/mesir>. Bagi memudahkan pelajar mendapatkan maklumat terkini, KPT ada menyediakan talian *careline* 1-800-88-6365 yang beroperasi setiap hari Isnin hingga Jumaat

bermula jam 9.00 pagi hingga 6.00 petang. Selain itu, KPT juga turut menyediakan kemudahan khidmat pesanan ringkas (SMS) melalui nombor telefon 014-7151556 atau email pelaiarmesir@mohe.gov.mv bagi diajukan sebarang pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Kementerian Pengajian Tinggi telah menubuhkan satu Pasukan Petugas (*Task Force*) bagi menangani isu-isu yang dihadapi oleh pelajar. Wakil KPT telah pergi ke Mesir bermula 18 hingga 26 Februari 2011 untuk membincang dan mendapatkan satu keputusan bagi perlanjutan tempoh pengajian universiti di Mesir.

Perbincangan wakil KPT dengan universiti-universiti di Mesir telah memutuskan bahawa pelajar-pelajar Malaysia dibenarkan mendaftar di antara tempoh 12 Mac hingga 8 April 2011 bergantung kepada tarikh yang ditetapkan oleh universiti masing-masing.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	Y.B. DR. MOHD HATTA BIN MD RAMLI (KUALA KRAI)
TARIKH	24.03.2011

SOALAN:

Y.B. DR. MOHD HATTA BIN MD RAMLI [KUALA KRAI] minta Menteri Pelajaran menyatakan

- (a) sama ada Kerajaan telah sebelumnya meneliti novel Interlok sebelum dicadangkan sebagai buku teks wajib; dan**
- (b) sama ada Kerajaan telah mendapatkan persetujuan penulis novel Interlok untuk meminda sebahagian isi kandungannya bagi membolehkan buku itu terus dijadikan bahan bacaan wajib di sekolah.**

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Pertanyaan tersebut telah dijawab secara serentak bersama pertanyaan Y.B. Sabak Bernam pada 24.03.2011. Kementerian Pelajaran Malaysia tiada maklumat tambahan berhubung pertanyaan tersebut.

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT
BAGI JAWAB LISAN**

PERTANYAAN

DARIPADA

**DATUK HAJI BAHARUM BIN MOHAMED
[SEKIJANG]**

**TARIKH
SOALAN**

**24 MAC 2011 (KHAMIS)
43**

Datuk Haji Baharum Bin Mohamed [Sekijang] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan berapakah kerugian yang dialami oleh Keretapi Tanah Melayu akibat daripada banjir besar yang berlaku di Johor pada akhir Januari 2011.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kejadian banjir yang berlaku di negeri Johor dan juga Negeri Sembilan pada 30 Januari hingga 5 Februari 2011 telah menyebabkan kerosakan pada harta benda dan landasan kereta api. Kerosakan tersebut telah mengakibatkan operasi 23 tren Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) di sektor selatan dan pantai timur tergendala. Operasi tren yang terjejas melibatkan perkhidmatan penumpang antarabandar dan kargo.

Pihak KTMB menanggung kerugian yang besar atas pembatalan perkhidmatan, kerosakan infrastruktur dan harta benda keretapi yang dianggarkan berjumlah RM2,990,678.58. Berikut adalah jenis - jenis kerugian secara langsung yang ditanggung oleh pihak KTMB.

Bil.	Jenis-Jenis Kerugian	Jumlah (RM)
i.	Kerja - kerja pembaikan landasan	1,057,162.74
ii.	Kerja - kerja membaiki peralatan semboyan dan komunikasi	491,513.75
iii.	Pemuliharaan tiket kepada pelanggan dan kos penghantaran penumpang dengan bas	1,037,479.30
iv.	Pembatalan dan penangguhan perjalanan tren kargo	251,890.00
v.	Kerosakan Peralatan dan harta benda	55,510.00
vi.	Alat-alat ganti stok kereta	97,122.79
		2,990,678.58

Di samping itu, KTMB perlu melaksanakan kerja - kerja pembaikan kekal kepada infrastruktur landasan seperti pementang, struktur jambatan, tebatan dan formasi landasan dengan jumlah kos sebanyak RM26.5 juta. Kerja - kerja ini perlu dilaksanakan bagi mengelak kesan buruk akibat banjir daripada berulang di masa hadapan.

NO. AUM : 18

NO. AUP : If'f

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD [KOTA RAJA]

DARIPADA 24 MAC 2011

TARIKH 3411

RUJUKAN
LISAN

SOALAN:

Dr. Siti Mariah Binti Mahmud [Kota Raja] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan sejauh mana penggunaan kekerasan dibenarkan kepada anggota polis terhadap orang ramai apabila enggan menurut arahan atau semasa menyiasat orang kena tuduh sebelum ianya dikategorikan sebagai keganasan dan dikira menyalahi etika polis. Siapakah yang memantau pihak polis untuk memastikan anggotanya mematuhi etika kepolisan bersabit dengan perkara ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Kota Raja yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, dalam melaksanakan tugas memelihara keselamatan dan ketenteraman awam, anggota polis dilarang menggunakan kekerasan kecuali dalam keadaan-keadaan tertentu di mana penggunaan kekerasan secara munasabah dibenarkan sebagaimana terkandung di dalam Perintah Tetap Ketua Polis Negara (PTKPN) iaitu seperti berikut:

- (i) Dalam mempertahankan diri sendiri, mempertahankan diri orang lain atau harta daripada *ancaman bahaya yang serta merta (imminent)* menyebabkan kematian atau cedera parah;
- (ii) Untuk mencegah berlakunya sesuatu kesalahan jenayah;
- (iii) Dalam melaksanakan tangkapan;
- (iv) Menghalang seseorang daripada melarikan diri dari tahanan yang sah; dan
- (v) Dalam menyuraikan perhimpunan haram.

Tuan Yang Dipertua,

Selain daripada itu, sebarang salah laku anggota polis terhadap orang ramai akan diambil tindakan oleh Urus Setia Tatatertib di bawah kawalan langsung Ketua Polis Negara.

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DATO' SERI MOHD. RADZI BIN
SHEIKH AHMAD

KAWASAN : KANGAR

TARIKH : **24 MAC 2011 (KHAMIS)**

SOALAN:

Y.B. DATO' SERI MOHD. RADZI BIN SHEIKH AHMAD (KANGAR) minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan tidakkah pihak Kementerian bercadang untuk menggubal satu akta bagi membolehkan para petugas lelaki Islam syarikat-syarikat konsesi tol lebuhraya di seluruh negara agar dapat menunaikan solat Jumaat sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh tiga minggu sebagai memenuhi syarat yang ditetapkan oleh syariat Islam.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya setakat ini tidak berhasrat untuk meminda Akta Lembaga Lebuh Raya Malaysia 1980 atau Perjanjian-Perjanjian Konsesi sedia ada bagi tujuan untuk memastikan jurutol lelaki Islam dapat menunaikan solat Jumaat.

Ini kerana isu tersebut merupakan isu pengurusan organisasi yang sememangnya telah sedia diambil tindakan secara pentadbiran oleh syarikat-syarikat pengendali konsesi lebuh raya yang berkenaan. Ia telah dilaksanakan melalui sistem penetapan giliran kerja (*shift*) dan penggiliran cuti rehat kepada juru tol lelaki yang beragama Islam pada hari Jumaat. Di samping itu, Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) dengan kerjasama Kementerian Sumber Manusia juga sentiasa memantau operasi syarikat-syarikat konsesi lebuh raya yang berkenaan, termasuk memastikan aspek kebajikan kakitangan mereka sentiasa terpelihara.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT. MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SIM TONG HIM

TARIKH : 24.3.2011 (KHAMIS)

NO. SOALAN

**TUAN SIM TONG HIM minta MENTERI PERDAGANGAN
ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan**

- (a) jumlah FDI yang diterima oleh setiap negeri bagi tempoh lima tahun dari 2005 hingga 2010 dan untuk masa yang sama, berapa jumlah FDI yang sedia ada keluar dari negara kita; dan**
- (b) bagaimanakah kita dapat memantau operasi dan kegiatan-kegiatan FDI ini.**

Jawapan:

Tuan Yang Dipertua,

Bagi tahun 2005 hingga 2010, jumlah pelaburan yang diluluskan dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan berkaitan perkilangan adalah sebanyak RM279.3 billion melalui 5,426 projek pengilangan. Daripada jumlah tersebut, RM168.7 billion (60.4%) merupakan pelaburan asing manakala RM110.6 billion (39.6%) merupakan pelaburan domestik.

Pecahan pelaburan yang diluluskan mengikut tahun adalah:

- RM31.0 bilion pada tahun 2005;
- RM45.9 bilion pada tahun 2006;
- RM59.9 bilion pada tahun 2007;
- RM62.7 bilion pada tahun 2008;
- RM32.6 bilion pada tahun 2009; dan
- RM47.2 bilion bagi tahun 2010.

Pecahan jumlah pelaburan yang diluluskan dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan berkaitan perkilangan mengikut negeri dari tahun 2005 hingga 2010 adalah seperti berikut:

- bagi negeri Johor, jumlah FDI adalah sebanyak RM32.6 bilion melalui 754 proiek;
- bagi negeri Selangor jumlah FDI adalah sebanyak RM28.4 bilion melalui 977 proiek;
- bagi negeri Pulau Pinang, jumlah FDI adalah sebanyak RM28.0 bilion melalui 434 proiek;
- bagi negeri Sarawak, jumlah FDI adalah sebanyak RM23.8 bilion melalui 82 proiek;
- bagi negeri Kedah, jumlah FDI adalah sebanyak RM14.4 bilion melalui 157 proiek;
- bagi negeri Sabah, jumlah FDI adalah sebanyak RM9.3 bilion melalui 96 proiek;
- bagi negeri Melaka, jumlah FDI adalah sebanyak RM9.1 bilion melalui 164 proiek;
- bagi negeri Perak, jumlah FDI adalah sebanyak RM7.2 bilion melalui 159 proiek;
- bagi negeri Terengganu, jumlah FDI adalah sebanyak RM6.4 bilion melalui 26 proiek;
- bagi negeri Negeri Sembilan, jumlah FDI adalah sebanyak RM5.0 bilion melalui 138 proiek;
- bagi negeri Pahang, jumlah FDI adalah sebanyak RM3.6 bilion melalui 89 proiek;

- bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur jumlah FDI adalah sebanyak RM493.2 juta melalui 30 projek;
- bagi negeri Kelantan. jumlah FDI adalah sebanyak RM310.7 juta melalui 16 projek;
- bagi negeri Perlis, jumlah FDI adalah sebanyak RM171.3 juta melalui 9 projek;
- bagi Wilayah Persekutuan Labuan, jumlah FDI adalah sebanyak RM13.3 juta melalui 3 projek; dan
- bagi negeri lain-lain, jumlah FDI adalah sebanyak RM16.8 juta melalui 1 projek.

Bagi tahun 2005 hingga 2010, bilangan syarikat yang menutup operasi perniagaannya adalah sebanyak 187 syarikat. Daripada jumlah tersebut, 103 syarikat adalah syarikat milik asing dan 84 syarikat adalah syarikat milik tempatan.

Tuan yang Dipertua,

Pelbagai usaha telah diambil oleh Kerajaan untuk memantau kegiatan pelaburan ke dalam negara. Aktiviti pemantauan dilaksanakan berteraskan 3 obiectif utama termasuk:

- Menyediakan khidmat sokongan kepada sektor pengilangan secara pro-aktif dan di dalam pelaksanaan

projek perkilangan / operasi yang tertakluk di bawah bidang kuasa Keraiaan Persekutuan dan Negeri;

- Mencapai tahap pelaksanaan projek perkilangan yang lebih tinggi; dan
- Memastikan operasi syarikat perkilangan wuiud berjalan lancar.

Antara aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan oleh MIDA bagi memantau pelaburan langsung asing yang telah diluluskan adalah;

- mengenalpasti masalah yang dihadapi oleh syarikat- syarikat baru atau wuiud di dalam pelaksanaan dan operasi proiek, menawarkan bantuan melalui khidmat nasihat secara langsung dan bekeriasama dengan pihak berkuasa berkenaan di kedua-dua peringkat Keraiaan Persekutuan dan Negeri bagi perkara-perkara berikut:

kemudahan infrastruktur termasuk tanah, bekalan elektrik, air dan telekomunikasi; dan

mempercepatkan kelulusan berkaitan surat tiada halangan bagi penempatan projek, Kebenaran Merancang, Pelan Bangunan, Sijil Layak Menduduki dan Lesen Perniagaan.

membantu dan mengamalkan konsep *handhold* (dengan izin) pelabur-pelabur bagi memperoleh kesemua kelulusan berkaitan projek sehingga mereka beroperasi;

memberi bantuan kepada svarikat-svarikat yang merancang untuk membuat pembesaran, pelbagaian dan lain-lain pelaburan semula projek;

mengekalkan hubungan rapat dengan Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan dan Persatuan Sektor Swasta berkaitan di kedua-dua peringkat Kerajaan Persekutuan dan Negeri:

melaksanakan kaitan secara berkala terhadap masalah- masalah yang dihadapi oleh pihak industri dan merangka langkah-langkah baru bagi membantu untuk mempercepatkan pelaksanaan dan memastikan operasi svarikat wuiud berjalan lancar; dan

- membantu di dalam mengemaskini dan meningkatkan pangkalan data sedia ada bagi svarikat-svarikat yang beroperasi.

Tuan Yang Dipertua,

No: 47

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

Aktiviti handholdina (dengan izin) merupakan aktiviti pemantauan yang sangat efektif bagi mengurangkan birokrasi, mempercepatkan kelulusan dari agensi berkaitan dan meningkatkan kadar pelaksanaan projek yang telah diluluskan. Ini secara langsung memastikan pelaksanaan projek-projek perkilangan yang diluluskan dapat dilaksanakan. Bagi tempoh 2005 hingga 2010, sejumlah 5,648 projek perkilangan telah diluluskan di mana 4,443 projek (78.8%) telah dilaksanakan. Daripada jumlah 4,443 tersebut, sebanyak 1,134 (25.5%) adalah merupakan hakmilik asing.

DEWAN RAKYAT

BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA **TUAN HAJI MOHD NOR BIN OTHMAN**
[HULU TERENGGANU]

TARIKH **24 MAC 2011 (KHAMIS)**

SOALAN **47**

Tuan Haji Mohd Nor Bin Othman [Hulu Terengganu] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk memajukan Lapangan Terbang Sultan Mahmud Kuala Terengganu.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, langkah-langkah yang diambil untuk memajukan Lapangan Terbang Sultan Mahmud, Kuala Terengganu adalah melalui projek menaiktaraf lapangan terbang tersebut, bagi menampung keperluan operasi pesawat Boeing 737 kepada Boeing 747 serta menaiktaraf kapasiti terminal lapangan terbang dari 0.4 juta penumpang kepada 1.5 juta penumpang setahun;

Selain daripada itu, Kementerian Pengangkutan juga meneruskan usaha-usaha mengadakan rundingan udara dua hala dengan negara-negara asing pada setiap tahun bagi mewujudkan dan meningkatkan hak-hak trafik penerbangan di antara Malaysia dan negara-negara terlibat. Dengan demikian ia akan dapat mendorong syarikat-syarikat penerbangan asing untuk mengadakan penerbangan langsung ke lapangan-lapangan terbang di Malaysia termasuklah ke Lapangan Terbang Sultan Mahmud, Kuala Terengganu.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

Namun, keputusan oleh syarikat-syarikat penerbangan untuk mengadakan operasi ke sesuatu lapangan terbang atau destinasi adalah tertakluk kepada pertimbangan komersial masing-masing.

NO. AUP :ip

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN JOHN A/L FERNANDEZ [SEREMBAN]

TARIKH 24 MAC 2011

RUJUKAN 3415

SOALAN:

Tuan John A/L Fernandez [Seremban] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan

(a) apakah hasil siasatan bagi kes kemalangan jalan. raya yang menyebabkan kematian mendiang YB. Datuk Ir. Edmund Chong Ket Wah (bekas ADR Batu Sapi); dan

(b) adakah terdapat mana-mana individu yang ditahan untuk disoal siasat dan adakah terdapat mana-mana individu yang dituduh di mahkamah di bawah Seksyen 41(1) Akta Pengangkutan

Jalan 1987 atau di bawah mana-mana akta.

JAWAPAN:
Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Seremban yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, bagi menjawab soalan (a), kertas siasatan bagi kes kemalangan tersebut telah dilengkapkan dan telah dirujuk kepada Timbalan Pendakwa Raya Sabah pada 25 November 2010.

Bagi menjawab soalan (b) pula, setakat ini belum ada mana-mana individu yang ditahan dan dituduh, dan pihak Timbalan Pendakwa Raya Sabah telah mengarahkan supaya satu inkues dijalankan berhubung kemalangan tersebut. Walau bagaimanapun, tarikh inkues tersebut belum lagi ditetapkan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA Y.B. TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG (SIBUTI)

TARIKH 24.03.2011

SOALAN:

Y.B. TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG [SIBUTI] minta Perdana Menteri menyatakan mengapakah blok asrama tingkat 2 sekolah kebangsaan agama Miri masih belum dibaik pulih walaupun hampir 2 tahun dalam keadaan begitu.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah mengambil maklum dan memberi perhatian yang serius terhadap kebakaran asrama sekolah tersebut yang berlaku baru-baru ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM telah meluluskan peruntukan sebanyak RM500.000 kepada Jabatan Kerja Raya (JKR) Miri. Tindakan seterusnya sedang diambil oleh pihak JKR. KPM akan memantau perkembangan projek tersebut dari semasa ke semasa.

SOALAN NO. 50

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD. YUSOFF

[RANTAU PANJANG]

TARIKH 24 MAC 2011 (KHAMIS)

SOALAN

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff (Rantau Panjang) minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan berapa ramaikah penerima bantuan kebajikan masyarakat yang telah berjaya dipulihkan dari kemiskinan tegar mengikut negeri-negeri seluruh negara.

JAWAPAN:
Tuan Yang di-Pertua,

Pada tahun 2010, Petunjuk Prestasi Utama Nasional membasmi kemiskinan tegar telah ditetapkan di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara Meningkatkan Taraf Hidup Isi Rumah Berpendapatan Rendah. Sehingga 31 Disember 2010 sejumlah 44,535 ketua isi rumah miskin tegar yang berdaftar di bawah sistem eKasih telah berjaya dikeluarkan daripada kemiskinan tegar diatas usaha strategik yang dilaksanakan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dengan kerjasama pelbagai kementerian serta agensi yang terlibat di dalam agenda pembasmian kemiskinan.

Tuan Yang di-Pertua,

Daripada jumlah tersebut, Seramai 16,217 daripada penerima bantuan JKM yang berdaftar di bawah sistem eKasih sebagai miskin tegar telah berjaya dikeluarkan daripada kemiskinan tegar di sepanjang tempoh pelaksanaan NKRA Meningkatkan Taraf Hidup Isi Rumah Berpendapatan Rendah pada tahun 2010.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

DATO' ISMAIL BIN KASIM [ARAU]

TARIKH

24 MAC 2011 (KHAMIS)

SOALAN

Dato' Ismail bin Kasim [ARAU] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah prestasi Model Baru Ekonomi setakat ini mengikut sektor dan bagaimana ianya dapat diperkembangkan lagi terutama di dalam penjanaan aktiviti ekonomi dalaman terutama untuk menjana pendapatan tinggi bagi rakyat Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Model Baru Ekonomi Bahagian Akhir telah dilancarkan pada bulan Disember 2010 oleh YAB Perdana Menteri. Bahagian ini menerangkan secara terperinci cadangan langkah-langkah dasar yang sesuai dilaksanakan bagi mencapai objektif MBE.

MBE dan RMK-10 juga telah mengenal pasti 12 sektor ekonomi sebagai kenderaan yang dapat memacu negara untuk mencapai aspirasi negara berpendapatan tinggi selaras dengan Wawasan 2020.

Hasil daripada itu, Program Transformasi Ekonomi (*Economic Transformation Programme* atau ETP) adalah satu usaha komprehensif yang akan mentransformasikan Malaysia ke arah aspirasi tersebut. Ia akan meningkatkan pendapatan negara kasar (PNK) per kapita Malaysia dari lebih kurang AS\$6,700 atau RM23.700 pada 2009 ke lebih daripada AS\$15,000 atau RM48,000 pada 2020, dengan itu memacu kemajuan negara ke tahap yang sama dengan negara-negara berpendapatan tinggi yang lain. Perkembangan PNK sebanyak 6 peratus setahun akan membolehkan kita mencapai sasaran yang ditetapkan di bawah Wawasan 2020.

Hasil daripada makmal ETP, sebanyak 131 projek permulaan telah dikenal pasti di mana ia dapat mewujudkan 3.3 juta pekerjaan baru merentasi kawasan bandar dan luar bandar akan diwujudkan menjelang 2020. Ciri-ciri pekerjaan baru ini akan menyebabkan anjakan ke arah julat pendapatan sederhana dan tinggi.

Hampir kesemua 131 projek permulaan atau *Entry Point Projects* (EPP) di bawah 12 *National Key Economic Areas* (NKEA) sedang rancak dirunding. Seseengah daripadanya sudah membuahkan hasil yang nyata atau *tangible results*. Sebagai contoh, YAB Perdana Menteri telah mengumumkan 60 buah projek di bawah ETP dalam jangka masa 4 bulan ETP dilancarkan. 60 projek ini merangkumi 46 EPP (*Entry Point Project*) di mana hanya pada masa yang singkat ini, pihak swasta dan kerajaan bersama-sama telah dapat memulakan 35% daripada 131 EPP yang disenaraikan dalam Program Transformasi Ekonomi.

Ini menunjukkan komitmen kerajaan terhadap membantu sektor swasta untuk menjadi pemacu utama mengembangkan ekonomi negara. Pelbagai lagi pengumuman yang akan dibuat oleh YAB PM dan Menteri-Menteri peneraju NKEA pada masa yang akan datang, dan pelaksanaan projek-projek ini dapat dirasakan oleh semua golongan dan lapisan masyarakat.

Harus diingat bahawa 131 projek ini hanya projek permulaan yang dapat kita kenal pasti buat masa kini. Selain itu, di bawah ETP juga terdapat 60 Business Opportunities atau peluang perniagaan yang dapat direbut hasil daripada penjanaaan projek-projek permulaan yang telah dikenal pasti.

Terdapat ratusan lagi projek yang akan wujud pada masa yang akan datang selaras dengan keperluan dan kemajuan teknologi dari masa ke semasa. Projek-projek ini belum lagi dikenal pasti, tetapi apabila ia wujud pada masa hadapan dapat diperkembangkan untuk menjanakan ekonomi negara.

Ini jelas menunjukkan komitmen Kerajaan dalam menjayakan pelaksanaan objektif MBE dan ETP tercapai selaras dengan aspirasi menjadikan Malaysia Negara Maju Berpendapatan Tinggi, Terangkum dan Mampan menjelang tahun 2020.

~~NO. AMP 292.~~

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN	LISAN
TARIKH	TUAN MANOGARAN A/L MARIMUTHU [TELOK INTAN]
DARIPADA ROJUKAN	24 MAC 2011
SOALAN:	3413

Tuan Manogaran a/l Marimuthu [Telok Intan] minta **MENTERI
DALAM NEGERI** menyatakan

(a) apakah maklumat yang ada pada pihak polis dan Kementerian tentang Kumpulan Haram (Gangsters) yang beroperasi di seluruh negara di bawah nombor dan kod seperti 18, 24,36 dan sebagainya.; dan

(b) Kumpulan Haram ini mengutip wang (Protection Money) daripada orang ramai termasuk peniaga di kawasan yang mereka operasi. Adakah pihak polis tahu tentang hal ini dan apakah tindakan yang diambil.
Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Telok Intan yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, pihak kementerian tidak menafikan tentang kewujudan kumpulan-kumpulan gangster seperti yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat. Walaubagaimanapun, kementerian memberi jaminan bahawa keselamatan di negara ini masih lagi terkawal dan pihak Polis DiRaja Malaysia (PDRM) sentiasa melakukan operasi, pemeriksaan dan tangkapan dari semasa ke semasa supaya kumpulan gangster ini dapat di banteras sehingga ke akar umbi. Selain daripada itu, peruntukan undang-undang yang sedia ada di bawah Undang-undang pencegahan seperti Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam & Mencegah Jenayah) No.5/69 dan Akta Kediaman Terhadap 1933.

Tuan Yang Dipertua,

JAWAPAN:

Hasil risikan pihak PDRM dan maklumat awam, memang wujud kes-kes meminta wang perlindungan daripada orang ramai dan peniaga-peniaga. Walaubagaimanapun, pihak PDRM telah mengambil segala keterangan saksi dan mangsa untuk mendakwa kumpulan-kumpulan gangster ini di mahkamah di bawah Undang-undang Pencegahan.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS
(TELOK KEMANG)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH 24.03.2011

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas (Telok Kemang) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kenapa KWSP hanya membayar separuh daripada hak yang dituntut oleh pencarum apabila sudah sampai masa yang membolehkan simpanan dikeluarkan sepenuhnya.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, peruntukan dalam Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) 1991 membenarkan ahli membuat pengeluaran kesemua dan sebahagian daripada simpanan mereka tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan. Secara umumnya, pengeluaran penuh caruman boleh dibuat oleh ahli menerusi skim seperti berikut:

- a) Pengeluaran Umur 55 Tahun;
- b) Pengeluaran Hilang Upaya;
- c) Pengeluaran Meninggalkan Negara;
- d) Pengeluaran Kematian; dan
- e) Pengeluaran Pekerja Berpencen dan Persaraan Pilihan.

Manakala bagi pengeluaran sebahagian (sebelum persaraan) boleh dilakukan di bawah skim seperti berikut:

- a) Pengeluaran Umur 50 Tahun;
- b) Pengeluaran Simpanan Melebihi RM 1 Juta;
- c) Pengeluaran Membeli Rumah;
- d) Pengeluaran Membina Rumah;
- e) Pengeluaran Mengurangkan/Menyelesaikan Baki Pinjaman Perumahan;
- f) Pengeluaran Ansuran Bulanan Pinjaman Perumahan;
- g) Pengeluaran Pendidikan Ahli / Anak-anak Ahli; dan
- h) Pengeluaran Pelaburan Simpanan Ahli.

3. Bagi pengeluaran penuh, ahli atau waris (bagi skim Pengeluaran Kematian) boleh mengeluarkan sepenuhnya caruman KWSP yang terdapat dalam akaun ahli. Bagi skim Pengeluaran 55 tahun, ahli boleh memohon untuk membuat Pengeluaran 55 tahun penuh atau pun memilih melakukan pengeluaran sebahagian. Melalui skim Pengeluaran 55 tahun ini, ahli mempunyai pilihan samada untuk

pengeluaran penuh, sebahagian atau secara kombinasi (sebahagian dan bulanan).

4. Bagi anggota Perkhidmatan Awam, apabila telah diletakkan di bawah taraf berpencen dan masih berkhidmat, mereka boleh memohon Pengeluaran Pekerja Berpencen. Manakala anggota Perkhidmatan Awam yang telah bersara (bersara pilihan sebelum mencapai umur persaraan wajib, persaraan disebabkan penswastaan seperti Telekom & Pos Malaysia, persaraan disebabkan penghapusan jawatan) tetapi belum mencapai umur 55 tahun, mereka boleh membuat Pengeluaran Pesara Pilihan. Di bawah Pengeluaran Pekerja Berpencen dan Pengeluaran Pesara Pilihan, anggota Perkhidmatan Awam akan menerima caruman pekerja beserta dividen manakala sebahagian amaun iaitu amaun syer Kerajaan (caruman majikan) akan dikembalikan kepada Kumpulan Wang Persaraan (DiPerbadankan) atau KWAP. Ini adalah selaras dengan peruntukan di bawah Akta Pencen 1980 bagi pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan dan Negeri dan Akta Pencen Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980 bagi pekerja Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan.

5. Bagi pengeluaran sebahagian (sebelum persaraan), skim-skim pengeluaran yang disediakan adalah bagi membantu ahli membuat persediaan sebelum persaraan, sekiranya ahli telah memenuhi terma dan syarat yang ditetapkan oleh Lembaga seperti yang diperuntukkan di bawah Akta KWSP 1991.

tersebut tidak dilengkapi dengan ECU. Oleh itu, Kementerian Pengangkutan

- masih lagi mengkaji kaedah yang sesuai untuk memasang alat *speed limiter* ke atas bas-bas lama tanpa ia melibatkan kos pemasangan yang tinggi; dan
- (ii) alat *speed limiter* boleh diganggu usik. Ini bermakna hasrat Kerajaan untuk mewajibkan peraturan ini terhadap bas kemungkinan akan mengalami kesukaran terutamanya dari aspek penguatkuasaan.

Tuan Yang Dipertua,

Walaupun Kerajaan belum mewajibkan pemasangan alat mengawal kelajuan terhadap bas, namun buat masa ini penggunaan alat merekod kelajuan seperti *Global Positioning System (GPS)*, *Tachograph* dan *Speed Limiter* adalah digalakkan di bawah Kod Amalan Keselamatan, Kesihatan dan Persekitaran (*Safety, Health and Environment Code of Practice - SHE*). Kod amalan ini telah menggariskan keperluan majikan untuk memantau kelajuan dan perjalanan pemandunya di bawah elemen Pengurusan Perjalanan dan Risiko.

PERTANYAAN	JAWAB LISAN
DARIPADA	TUAN TAN KOK WAI [CHERAS]
TARIKH	24 MAC 2011, KHAMIS

SOALAN:

Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta PERDANA MENTERI menyatakan mengapakah semasa Konsep 1 Malaysia sedang disemarakkan dalam hati sanubari rakyat, Kerajaan membenarkan penubuhan Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) sedangkan Model Baru Ekonomi menerusi Program Transformasi Ekonomi belum pasti mampu untuk membangunkan ekonomi negara dan belum pasti memberikan keadilan kepada rakyat seluruhnya.

JAWAPAN:

SOALAN 57

Objektif utama Model Baru Ekonomi (MBE) menerusi Program Transformasi Ekonomi (PTE) adalah untuk menjadikan Malaysia sebuah negara yang maju dan berpendapatan tinggi. Matlamat ini selari dengan Wawasan 2020 dan merangkumi prinsip ‘iMalaysia-Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan’ bagi menyatupadukan semua rakyat Malaysia. Program Transformasi Ekonomi mengandungi dua komponen utama iaitu lapan Inisiatif

Pembaharuan Strategik dan 12 Aktiviti Ekonomi Utama Nasional (NKEA). Salah satu daripada lapan Inisiatif Pembaharuan Strategik adalah berhubung dengan “tindakan afirmatif yang telus dan mesra pasaran” yang secara khusus memberi tumpuan ke arah mengurangkan ketidaksamaan pendapatan dan membangunkan enterpris kecil dan sederhana Bumiputera.

Objektif utama TERAJU adalah untuk menyelaraskan transformasi serta memperkukuhkan penyertaan Bumiputera dalam sektor ekonomi bagi merapatkan jurang di antara Bumiputera dengan bukan Bumiputera. Justeru, dalam hal ini penubuhan TERAJU sebenarnya tidak bercanggah dengan Model Baru Ekonomi, Program Transformasi Ekonomi (PTE) dan juga Konsep 1 Malaysia, malah sebagai pelengkap kepada usaha Kerajaan dalam memastikan semua rakyat Malaysia mendapat peluang dan kemakmuran ekonomi selaras dengan prinsip inklusif yang turut digunakan dalam kedua-dua MBE dan PTE.

NO. SOALAN: 57

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN

DARIPADA

TARIKH BERSIDANG

SOALAN

LISAN

DATO' ABDUL MANAN BIN

ISMAIL

[PAYA BESAR]

24 MAC 2011

Dato' Abdul Manan bin Ismail [Paya Besar] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat untuk memajukan fasiliti, kemudahan perubatan serta teknologi hospital kerajaan di pinggir bandar memandangkan teknologi yang sedia ada lebih bertumpu di kawasan-kawasan bandar dan kebanyakan rakyat di kawasan bandar tergolong daripada mereka yang lebih gemar mendapatkan rawatan di hospital-hospital swasta berbanding penduduk pinggir bandar yang lebih bertumpu kepada hospital kerajaan.

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Kesihatan komited bagi menyediakan kemudahan kesihatan yang terbaik kepada rakyat di seluruh negara. Fasiliti dan teknologi terkini tidak sahaja tertumpu di kawasan bandar tetapi di luar bandar.

Selain melengkapkan kemudahan dan peralatan terbaik di hospital-hospital, Kementerian turut mengambil langkah berterusan bagi menyediakan kemudahan dan peralatan serupa di semua kategori Klinik Kesihatan dan Klinik Desa di seluruh negara. Selain kemudahan dan peralatan canggih Kementerian Kesihatan turut menyediakan kemudahan perkhidmatan kesihatan yang lebih meluas kepada penduduk luar bandar. Kemudahan-kemudahan perubatan telah dipertingkatkan di semua kategori klinik-klinik kesihatan di luar bandar seperti kemudahan mesin *ultrasound* yang sangat diperlukan untuk rawatan ibu dan anak. Perkhidmatan makmal telah dinaiktaraf dengan kemudahan '*centralised lab*' di mana Klinik-klinik yang mempunyai Pakar Kesihatan Keluarga boleh membuat ujian-ujian berteknologi tinggi seperti '*hormonal assay*' dan sebagainya. Capaian kemudahan-kemudahan juga telah dimajukan di klinik-klinik dengan kemudahan faks dan internet. '*ECG tracing*' boleh diaturkan dari klinik kesihatan dengan pakar-pakar dari hospital berhampiran supaya rawatan segera dapat diberikan untuk kes-kes masalah jantung yang kritikal. Selain itu, Kementerian Kesihatan turut memberikan latihan bagi meningkatkan kualiti rawatan dan perkhidmatan. Segala usaha-usaha ini adalah merupakan dasar kerajaan untuk meningkatkan fasiliti kemudahan kesihatan yang berteknologi tinggi di hospital, klinik kesihatan di bandar dan juga di luar bandar demi meningkatkan taraf kesihatan rakyat.

PERTANYAAN

DARIPADA ~~PEMBERITAHUAN~~ PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

TARIKH

SOALAN

JAWAB LISAN

TUAN JEFF OOI CHUAN AUN 24 MAC 2011 (KHAMIS)

NO.58

M :
gg

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan apakah peruntukan sumber kewangan dalam kegiatan Kementerian untuk mempromosikan bidang kajian Melayu di dunia antarabangsa menerusi institusi- institusi ilmiah seperti *The European Chair of Malay Studies* di Leiden University, The Netherlands, yang dipelopori oleh Prof. Dr. Salleh Yaapar pada 1993.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Sejak tahun 1980 sehingga sekarang, terdapat lima (5) buah Kursi Akademik telah ditubuhkan di luar negara iaitu Kursi Tun Abdul Razak di Ohio University, Amerika Syarikat (1980), Kursi Eropah bagi Pengajian Melayu di Leiden University di Belanda (1992), Kursi Pengajian Melayu di Victoria University of Wellington, New Zealand (1996), Kursi Pengajian Melayu di Beijing Foreign Studies University di Republik Rakyat

China (2007) dan Kursi Pengajian Melayu di Hankuk University of Foreign Studies di Korea Selatan (2008).

Antara lain tujuan penubuhan Kursi-kursi ini adalah menyebarkan pengetahuan mengenai sejarah, kebudayaan, ekonomi, kehidupan sosial dan politik Malaysia melalui aktiviti pengajaran, penyeliaan, pengumpulan maklumat, penyelidikan dan program-program *intellectual discourse* yang dijalankan oleh kursi-kursi tersebut.

Sumber peruntukan kewangan bagi penubuhan Kursi-kursi akademik di luar negara adalah berbeza-beza seperti berikut:

a) Kursi Tun Abdul Razak menggunakan peruntukan sebanyak USD700,000 bagi Kajian Asia Tenggara yang mana Kerajaan Malaysia telah menyumbang sebanyak USD350,000 pada tahun 1980 dan menambah sumbangan sebanyak USD 1 juta pada tahun 2008 dalam bentuk *endowment fund*.

- Yayasan Sime Darby (US\$750K),**
- Yayasan Tan Sri Dato' Lee Shin Cheng (a.k.a IOI) (US\$50K),**
- Yayasan AIBukahary (RM330K).**

(Nota: sumbangan one-off berdasarkan kaedah pembiayaan *endowment fund* pada 2010/2011)

b) Kursi Eropah bagi Pengajian Melayu di *Leiden University* adalah sebanyak €65,000 setahun. Ia dibiayai oleh Kerajaan Malaysia sebanyak €30,000 (45%), *Faculty of Arts, Leiden University* sebanyak €10,000 (15%) dan *The International*

Institute for Asian Studies (HAS), Leiden University sebanyak €25,000 (40%).

c) Kursi Pengajian Melayu di *Victoria University of Wellington* dibiayai oleh Kerajaan Malaysia sebanyak NZ\$114,000 (40%), Kerajaan New Zealand sebanyak NZ\$100,000 (30%) dan pihak swasta sebanyak NZ\$71,000 (30%) setiap tahun (Kumpulan Renong Berhad-kemudahan perumahan kepada Penyandang dari 1996 sehingga 2008 dan Telekom Malaysia Berhad, RM5,000.00 (one-off pada 2010))

d) Kursi Pengajian Melayu di *Beijing Foreign Studies University* di Republik Rakyat China adalah sebanyak RM500,000 setahun yang mana Kerajaan Malaysia menyumbang sebanyak RM200,000, Kerajaan Republik Rakyat China sebanyak RM150,000 dan sumbangan daripada pihak YTL (2007-2009) RM150,000.

e) Perbelanjaan bagi Kursi Pengajian Melayu di *Hankuk University of Foreign Studies (HUFS)*, Korea dianggarkan berjumlah RM687,800 setahun. Kursi ini dibiayai oleh Kerajaan Malaysia sebanyak RM345,800 (40%), HUFS sebanyak RM171,000 (30%) dan DRB Hicom sebanyak RM171,000 (30%).

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA TAN SRI DATUK SERI DR. FONG CHAN ONN
[ALOR GAJAH]

TARIKH 24 MAC 2011 (KHAMIS)

SOALAN

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn [Alor Gajah] minta PERDANA MENTERI menyatakan berapa banyak peluang pekerjaan telah diwujudkan sejak pelaksanaan *Economic Transformation Program* menurut kategori individu pendapatan tinggi, sederhana dan rendah dan apakah julat pendapatan mengikut kategori-kategori ini.

JAWAPAN:


Tuan Yang di-Pertua,

Dengan pelaksanaan 12 NKEA, hasil daripada makmal yang dijalankan dijangka sebanyak 3.3 juta pekerjaan akan terhasil di mana majoriti daripadanya terdiri daripada pekerjaan medium income dan high income.

Daripada 3.3 juta pekerjaan tersebut;

- 100,000 (atau 4%) pekerjaan dengan pendapatan bawah RM1,000 dihasilkan
- 1.1 juta (atau 33%) pekerjaan dengan pendapatan antara RM1,000 hingga RM2.000 dihasilkan

- 900,000 (atau 27%) pekerjaan dengan pendapatan antara RM2,000 hingga RM4.000 dihasilkan
- 700,000 (atau 21%) pekerjaan dengan pendapatan antara RM4,000 hingga RM7.000 dihasilkan
- 300,000 (atau 10%) pekerjaan dengan pendapatan antara RM7.000 hingga RM10,000 dihasilkan
- 200,000 (atau 5%) pekerjaan dengan pendapatan lebih daripada RM 10,000 dihasilkan



Selanjutnya, perkara tersebut akan menyebabkan peningkatan keseluruhan terhadap rakyat yang berpendapatan rendah ke berpendapatan pertengahan (*medium income*), dan daripada berpendapatan pertengahan ke berpendapatan tinggi (*high income*).

- 2.9 juta orang pada 2009, kepada 2.3 juta orang pada 2020 berada

dalam pekerjaan dengan pendapatan bawah RM 1,000 (penurunan sebanyak 600,000 orang)

- 3.7 juta orang pada 2009, kepada 4.7 juta orang pada 2020 berada dalam pekerjaan dengan pendapatan RM 1,000 hingga RM2,000 (peningkatan sebanyak 1 juta orang)
- 3.3 juta orang pada 2009, kepada 4.6 juta orang pada 2020 berada dalam pekerjaan dengan pendapatan RM2,000 hingga RM4,000 (peningkatan sebanyak 1.3 juta orang)
- 1.3 juta orang pada 2009, kepada 2.8 juta orang pada 2020 berada dalam pekerjaan dengan pendapatan RM4,000 hingga RM7,000 (peningkatan sebanyak 1.6 juta orang)
- 300,000 orang pada 2009, kepada 1.2 juta orang pada 2020 berada dalam pekerjaan dengan pendapatan RM7,000 hingga RM 10,000 (peningkatan sebanyak 800,000 orang)
- 200,000 orang pada 2009, kepada 600,000 orang pada 2020 berada dalam pekerjaan dengan pendapatan lebih daripada RM10,000 (peningkatan sebanyak 400,000 orang)

Sejak Program Transformasi Ekonomi dilancarkan pada Disember 2010, pencapaiannya adalah seperti berikut:

- 37 projek di bawah 27 EPP telah diumumkan dan dilancarkan

Hasil daripada itu, RM80.3 bilion telah dilaburkan oleh sektor swasta

Akan menyumbang sebanyak RM117 bilion Pendapatan Negara Kasar (PNK) menjelang tahun 2020

Sebanyak 136,000 peluang pekerjaan akan terwujud hasil daripada 37 projek tersebut

SOALAN NO: 60

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. DR. MUJAHID BIN HAJI YUSUF RAWA

TARIKH: 24 MAC 2011

SOALAN:

Dr. Mujahid bin Haji Yusuf Rawa [Parit Buntar] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan tentang keadaan pekerja buruh asing muslim yang dikatakan tidak diberi kebenaran oleh majikan apabila tiba waktu untuk menunaikan solat, sejauh manakah kebenaran dakwaan ini.

PR-000-L41764

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,*

1. Setakat ini tiada aduan diterima Jabatan Tenaga Kerja (JTK) mengenai majikan yang tidak membenarkan pekerja asing muslim menunaikan solat di tempat kerja. Pihak majikan sentiasa diberi nasihat supaya memberikan peluang kepada bukan sahaja pekerja asing muslim tetapi juga kepada pekerja-pekerja tempatan untuk menunaikan solat lima waktu dan solat Jumaat pada setiap minggu. Tanggungjawab ini hendaklah dilaksanakan oleh semua majikan memandangkan Perlembagaan Negara ada menyebut Islam adalah agama Persekutuan dan penganut-penganut agama

lain bebas untuk mengamalkan agama masing-masing.

2. Oleh yang demikian, setiap majikan perlu memahami situasi ini dan menjalankan tanggungjawab sosial demi kesejahteraan dan keharmonian perusahaan di Malaysia. Majikan juga boleh mengatur waktu kerja pekerja-pekerja dengan lebih sistematik supaya tidak mengganggu proses kerja di dalam sesebuah syarikat. Kerjasama daripada majikan ini adalah diharapkan berterusan dan mencapai objektif mewujudkan sikap toleransi antara majikan dan pekerja-pekerja.

<m(79tlac-7jipriC 11)jks. ...22.2.1 l/MujahidC41764

**DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT PARLIMEN
KEDUA BELAS (2011)**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA Y.B. DATUK HAJAH NORAH BINTI ABD
RAHMAN (TANJONG MANIS)**

TARIKH 24 MAC 2011 (KHAMIS).

SOALAN :

Datuk Hajah Norah binti Abd Rahman [Tanjong Manis] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kementerian merancang untuk membina baru atau memperbesarkan Masjid India di Jalan Masjid India, Kuala Lumpur memandangkan setiap Hari Jumaat terlalu ramai orang mengerjakan solat Jumaat sehingga bersolat di atas jalan raya.

**JAWAPAN: (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI
JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B),MENTERI
DI JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Masjid India merupakan salah
sebuah masjid yang tertua di Wilayah Persekutuan dan telah beroperasi

lebih kurang 150 tahun. Ia mempunyai keluasan yang agak terhad untuk menampung kapasiti jemaah yang ramai.

Bagi mengekalkan nilai estetika seni binaan masjid yang sedia ada, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) tidak mempunyai perancangan untuk membina baru dan memperbesarkan masjid tersebut memandangkan masjid tersebut sering menjadi lokasi tumpuan pelancong dari dalam dan luar.

Di samping itu juga, masjid tersebut terletak di kawasan yang padat dengan bangunan perniagaan dan berada di zon yang sibuk. Pembesaran struktur masjid akan menimbulkan kesulitan dan kesesakan kepada orang ramai, pengunjung dan para jemaah. Walau bagaimanapun, JAWI mengambilkira keperluan umat Islam di Kuala Lumpur untuk menunaikan solat Jumaat dan mencadangkan agar umat Islam di sekitar Kuala Lumpur menunaikan solat Jumaat di masjid yang berdekatan seperti di Masjid Jamek Bandaraya Kuala Lumpur yang jarak 220 meter dan juga Masjid Negara yang jarak dalam lingkungan 1.2 kilometer dari Masjid India.

Jabatan Warisan Negara memaklumkan bahawa Masjid India telah diinventorikan untuk dinaik taraf dan diwartakan sebagai hasil warisan Negara. Walau bagaimanapun, tarikh tujuan tersebut masih belum diputuskan.

Sekian, terima kasih.

No:62

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**
PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

YB. DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT
[HULU LANGAT]

TARIKH JAWAPAN :
DI DEWAN RAKYAT

24MAC 2011 (KHAMIS)

SOALAN

NO. 62

SOALAN

Minta MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR
menyatakan

- (a) status terkini pengagihan tenaga dari tenaga hidro
Bakun; dan
- (b) status terkini penjanaan tenaga dari Biomass dan solar.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman
Ahli Yang
Berhormat,

Projek Hidroelektrik Bakun (BAKUN) kini adalah dalam proses terakhir untuk disiapkan. Projek ini dijangka akan berfungsi secara beransur-ansur dengan siapnya pemasangan 8 unit turbin dengan kapasiti 300 MW bagi seunit bermula dari Julai 2011. BAKUN kini adalah dalam proses penakungan air sebelum operasinya dapat dimulakan dan proses penakungan tersebut adalah di peringkat 90% siap.

Kerajaan telah memutuskan agar bekalan elektrik yang dihasilkan dari BAKUN ini akan digunakan di Sarawak sebagai sebahagian daripada *Sarawak Corridor on Renewable Energy* (SCORE) bagi membolehkan Negeri Sarawak membangunkan industri-industri berat dan seterusnya meningkatkan lagi tahap kehidupan penduduk di negeri tersebut. Sehingga kini, pihak Sarawak Energy Berhad (SEB) dan Sarawak Hidro Sdn. Bhd., yang merupakan pemaju BAKUN, masih lagi di peringkat membincangkan perjanjian pembelian tenaga atau *Power Purchase Agreement* (PPA), (dengan izin) bagi membolehkan bekalan elektrik ini disalurkan ke Negeri Sarawak.

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Pembangunan tenaga boleh baharu atau *Renewable Energy*, dengan izin, di negara ini dilaksanakan di bawah Program *Small Renewable Energy Power* (Program SREP). Di bawah program ini, pemaju tenaga boleh baharu (TBB) boleh menjual tenaga elektrik yang dijana daripada sumber boleh baharu termasuk daripada sumber biomas kepada pihak utiliti seperti Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan *Sabah Electricity Sdn. Bhd.* (SESB) tertakluk kepada persetujuan kedua-dua belah pihak.

Setakat 31 Disember 2010, terdapat 21 projek biomas dengan kapasiti 197MW yang telah diluluskan di bawah Program SREP. Daripada jumlah ini, 5 loji biomas dengan kapasiti 45MW telah beroperasi dan bersambung ke grid. Jumlah kapasiti tenaga elektrik daripada sumber biomas yang tidak bersambung ke grid pula adalah dianggarkan sebanyak 1,112MW yang kebanyakannya terdiri daripada kilang-kilang sawit persendirian.

Langkah awal pelaksanaan pembangunan solar dilaksanakan di bawah Projek *Malaysia Building Integrated Photovoltaics* (MBIPV), (dengan izin) yang merupakan satu projek Kerjasama Kerajaan Malaysia dan *United Nations Development Program* dan *Global Environment Facility* (UNDP-GEF). Program ini dilaksanakan bagi menggalakkan penggunaan BIPV untuk menurunkan kos sistem fotovoltik di negara ini serta mengurangkan

pengeluaran gas rumah hijau.

Setakat 31 Disember 2010, jumlah kapasiti tenaga solar adalah sebanyak 2,522kWp (*kilowatt peak*) dan melalui pelaksanaan projek MBIPV, kos pembangunan sistem fotovoltik telah dapat dikurangkan sebanyak 39% iaitu daripada RM31,410 *per kilowatt peak* pada tahun 2005 kepada RM19,121 *per kilowatt peak* pada tahun 2010. Jumlah ini terdiri daripada kapasiti sistem solar sedia ada serta kapasiti yang telah diberikan di bawah Projek MBIPV.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian saya telah menggubal Dasar dan Pelan Tindakan Tenaga Boleh Diperbaharu di mana mekanisme *Feed-In Tariff* (FiT) telah diperkenalkan untuk memacu pembangunan TBB di negara ini. Dengan ini, negara akan mempunyai strategi yang lebih sistematik untuk pembangunan industri TBB yang mampan dan berdaya maju. Kementerian saya juga telah menggubal Rang Undang-Undang Tenaga Boleh Baharu (RUU TBB) dan RUU Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari Malaysia (*Sustainable Energy Development Authority*, SEDA Malaysia) bagi melaksanakan mekanisme FiT ini dan juga menubuhkan sebuah agensi pelaksana RE iaitu SEDA Malaysia.

2. Pada masa ini PERKESO sedang dalam proses meneliti dan membuat kajian lanjut untuk membuat pindaan kepada AKSP 1969 bagi memastikan kesesuaian peruntukan Akta dengan keadaan semasa. Dan kajian ini dijangka dapat diselesaikan pada akhir tahun 2011. Diantara peruntukan yang dikaji adalah seperti berikut :-

- a) Proses tuntutan faedah ditambahbaik/dipermudahkan melalui kaedah dokumentasi secara Teknologi Maklumat
- b) Memberi peluang kepada Orang berinsurans untuk kembali bekerja melalui program pemulihan yang teratur dan pengurusan kes secara berkesan
- c) Mewujudkan mekanisma mendapatkan balik bayaran pinjaman pendidikan yang diberi kepada penerima faedah PERKESO melalui kerjasama dengan agensi kerajaan lain,dan
- d) Menyelaraskan keupayaan PERKESO seperti badan berkanun yang lain untuk menubuhkan entiti perbadanannya sendiri bagi meningkatkan tahap kecekapan penyampaian PERKESO kepadapelanggannya.

SOALAN NO: 63'

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

m(7Mac-7AprCU)fi.s...J2.2JI/A6tCumSani£42356

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**BERTANYAAN
DARIPADA**

LISAN TUAN ERTECKHWA (BAKRI)

**TARIKH JAWAPAN
DI DEWAN RAKYAT : 24 MAC 2011 (KHAMIS)**

SOALAN

NO. 64

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR**

menyatakan kadar tarif air, perbelanjaan, pendapatan dan keuntungan setiap syarikat air mengikut negeri setiap tahun dari tahun 2007-2010. Apakah perancangan Kerajaan Pusat untuk mengambil alih konsesi bekalan air daripada kerajaan negeri supaya tarif air dapat diselaraskan demi kepentingan rakyat.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kadar dan struktur tarif air adalah berbeza bagi setiap negeri di negara ini. Kadar purata bagi sektor domestik ialah RM0.67 bagi setiap meter padu air dengan julat antara RM0.31 hingga RM1.05 semeter padu. Bagi sektor industri pula, kadar purata adalah RM1.44 bagi setiap meter padu air dengan julat antara RM0.90 hingga RM2.93 semeter padu. Secara asasnya, kadar tarif yang dikenakan oleh operator-operator air di semua negeri adalah lebih rendah daripada kos pembekalan air kepada pengguna. Malah, ada sesetengah negeri yang tidak membuat sebarang semakan semula terhadap kadar tarif air selama lebih daripada 20 tahun sedangkan kos penyaluran air semakin meningkat saban tahun. Ini bermakna, pengguna membayar air pada kadar 20 tahun dahulu yang dihasilkan berasaskan kos pada hari ini.

Tuan Yang Dipertua,

Dari segi perbelanjaan dan pendapatan pula, kebanyakan negeri hanya dapat menampung perbelanjaan operasi sahaja. Operator-operator air ini tidak mempunyai sumber dana yang mencukupi untuk membiayai perbelanjaan modal. Terdapat juga negeri-negeri yang mengalami defisit kewangan seperti Wilayah Persekutuan Labuan,

Pahang dan Sabah disebabkan kutipan hasil tidak dapat menampung perbelanjaan operasi. Keadaan ini menyebabkan industri perkhidmatan bekalan air di negeri-negeri menghadapi masalah untuk membekalkan air yang berkualiti dan berterusan kepada para pengguna dan seterusnya menjejaskan kemampuan industri tersebut.

Tuan Yang Dipertua,

Menyedari hakikat inilah, Kerajaan telah mengambil tindakan untuk menstrukturkan semula industri perkhidmatan air negara dengan menggunakan kaedah *asset light*, dengan izin. Melalui kaedah ini, pembiayaan perbelanjaan modal bagi membangunkan infrastruktur bekalan air akan ditanggung oleh Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB), sebuah syarikat Kementerian Kewangan Perbadankan. Aset-aset air di bawah PAAB akan di sewa pajak kepada operator perkhidmatan air pada satu kadar dan tempoh yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak. Ini akan membolehkan operator air memberi tumpuan terhadap usaha-usaha untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan kos operasi sahaja. Melalui pendekatan ini, Kerajaan yakin penyampaian perkhidmatan operator air kepada pengguna

yang berpandukan kepada indeks prestasi utama (KPI) yang ditetapkan dan dikawal selia oleh Suruhajaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) akan meningkat dari semasa ke semasa.

Tuan Yang Dipertua,

Bagi negeri-negeri yang telah menswastakan perkhidmatan bekalan air pula, Kerajaan Persekutuan tidak pernah berhasrat untuk mengambil alih konsesi bekalan air daripada pemiliknya. Sebaliknya, Kerajaan sedang berusaha untuk menstrukturkan semula industri bekalan air di negeri-negeri tersebut bagi memastikan penyelarasan kadar tarif air yang dibuat adalah mengambil kira kepentingan para pengguna dan pada masa yang sama, dapat memastikan kemampanan industri bekalan air di negeri-negeri tersebut.

No. Soalan : 65

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **TUAN TAN TEE BENG**

TARIKH : 24 MAC 2011 (KHAMIS)

SOALAN

Tuan Tan Tee Beng [Nibong Tebal] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah apa-apa kajian dijalankan untuk mengenalpasti sebab-sebab kenapa sistem “ *Light Rapid Transit*” STAR, PUTERA dan Monorail di Kuala Lumpur gagal untuk mengurangkan kesesakan lalulintas di bandaraya ini dan sekiranya ada, apakah hasil kajian itu.

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Kajian terperinci telah dijalankan semasa Makmal Bidang Keberhasilan Negara (NKRA) - Pengangkutan Awam, dimana semua

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ

aspek kekurangan dan penambahbaikan yang perlu dijalankan telah dikenal pasti. Punca utama kesesakan lalu lintas di Lembah Kelang buat masa ini bukanlah disebabkan oleh kegagalan sistem sedia ada tetapi disebabkan oleh penambahan kenderaan persendirian sebanyak 500,000 di Lembah Kelang dan lebih satu juta di seluruh negara setiap tahun, dan juga kurangnya jajaran tulang belakang sistem keretapi (seperti MRT/LRT) jika dibandingkan dengan nisbah jumlah penduduk mahupun bandingan, Kuala Lumpur hanya mempunyai nisbah 20km keretapi bandar untuk setiap juta penduduk jika dibandingkan dengan ibukota negara lain, umpamanya Hong Kong, Singapore, Tokyo dan London di mana nisbahnya adalah 40km keretapi bandar untuk setiap juta penduduk .

Hasil kajian tersebut menjurus kepada implementasi penambahan kapasiti LRT Aliran Kelana Jaya dan Aliran Ampang, KTM Komuter dan monorel. Antara inisiatif-inisiatif NKRA lain termasuklah laluan khas bas, "Bus Rapid Transit", penstrukturan semula jajaran bas, integrasi tiket dan Pusat Piawai Prestasi (Performance Monitoring Hub). Lebih daripada 1,000 perhentian bas juga telah dikenal pasti untuk dinaiktaraf demi keselesaan penumpang.

Hasil yang berjaya ditonjolkah adalah peningkatan ketara penggunaan pengangkutan awam di Lembah Kelang dari sekitar 12% pada tahun 2009 hingga ke 17% buat masa sekarang.

Sekian, terima kasih.

Soalan No : 66

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	Y.B. TUAN KHALID BIN ABDUL SAMAD (SHAH ALAM)
TARIKH	24.03.2011

SOALAN:

Y.B. TUAN KHALID BIN ABDUL SAMAD [SHAH ALAM] minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah status projek pembinaan Sekolah Rendah Kebangsaan di kawasan U10 Shah Alam.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah merancang dan menyediakan peruntukan di bawah Rancangan Malaysia KeSepuluh (RMKe-10) untuk pembinaan Sekolah Kebangsaan di U10 Shah Alam. Namun demikian projek tersebut terpaksa ditangguhkan berikutan tapak yang diserahkan oleh pemaju tidak sesuai untuk pembinaan sekolah berikutan kedudukannya yang terletak di atas bukit. Selain daripada itu, kawasan tersebut juga didapati berbatu dan sekiranya pembinaan diteruskan akan menyebabkan implikasi kewangan yang tinggi kepada KPM.

Walau bagaimanapun, sebagai alternatif pihak Jabatan Pelajaran Selangor (JPN) telah mencadangkan tapak lain yang berhampiran iaitu di U9. Status terkini adalah di dalam proses perolehan tapak dan dalam masa yang sama proses reka bentuk sedang dibuat. Projek dijangka akan dilaksanakan di dalam suku keempat tahun 2011.

Rjm 63

